

Jilid 1  
Bil. 25



Hari Selasa  
16hb November, 1982

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3047]

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

**Kehadiran Pengerusi Majlis Persekutuan Republik  
Islam Pakistan [Ruangan 3056]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1983**

**Jawatankuasa (Hari Kelima)—**

**Jadual—**

**Maksud B. 18 [Ruangan 3092]**

**Maksud B. 19 [Ruangan 3099]**

**Maksud B. 20 [Ruangan 3099]**

**Maksud B. 21 [Ruangan 3171]**

## **KANDUNGANNYA—(samb.)**

### **USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3091]**

**Anggaran Pembangunan, 1983**

**Jawatankuasa (Hari Kelima)—**

**Maksud P. 18 [Ruangan 3092]**

**Maksud P. 19 [Ruangan 3099]**

**Maksud P. 20 [Ruangan 3099]**

**Maksud P. 21 [Ruangan 3171]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang  
Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam  
Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,  
S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
K.M.N. (Seremban).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI  
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,  
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,  
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,  
P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'  
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN  
HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- .. Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- .. Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- .. Tuan (Timbalan) Yang Dipertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATUK DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim—Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).

Yang Berhormat **TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).**

- „ **TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).**
- „ **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- „ **DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).**
- „ **TUAN FUNG KET WING (Sandakan).**
- „ **TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).**
- „ **TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).**
- „ **TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).**
- „ **DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).**
- „ **HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).**
- „ **TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).**
- „ **TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).**
- „ **TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).**
- „ **TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).**
- „ **TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).**
- „ **DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).**
- „ **TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).**
- „ **DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ **TUAN KAN YAU FA (Tawau).**
- „ **TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).**
- „ **TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).**
- „ **TUAN MARK KODING (Kinabalu).**
- „ **DR KOH TSU KOON (Tanjong).**
- „ **DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).**
- „ **TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).**
- „ **TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).**
- „ **DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).**
- „ **TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).**
- „ **TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).**
- „ **TUAN LING SIE MING (Sibu).**
- „ **TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).**
- „ **TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).**

- Yang Berhormat TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

**Yang Berhormat** TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- .. WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- .. WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- .. TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- .. TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- .. DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Selasa, 16hb November, 1982

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

LAPANGAN TERBANG BARU  
DI IPOH

1. Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan bahawa pihak Kerajaan Negeri dan Pusat telah bersetuju pada dasarnya untuk membina sebuah lapangan terbang yang baru di negeri Perak bagi menggantikan lapangan terbang yang ada di Ipoh itu untuk memesatkan lagi pembangunan dan pertumbuhan ekonomi:

- (a) bilakah projek pembinaan lapangan terbang itu akan dilaksanakan;
- (b) di manakah tempat yang dicadangkan untuk pembinaan lapangan terbang yang tersebut; dan
- (c) adakah lapangan terbang yang dicadangkan itu setaraf dengan lapangan terbang Senai, Johor.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan (a), pada masa ini juruperunding yang dilantik oleh Kerajaan sedang menyediakan laporan Pelan Induk bagi sebuah

lapangan terbang baru di Ipoh. Pihak juruperunding itu dijangka akan mengemukakan laporan Pelan Induk tersebut dalam bulan Disember tahun ini. Kementerian saya bersama-sama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain akan mengkaji serta meneliti laporan tersebut terlebih dahulu sebelum sesuatu keputusan untuk perlaksanaannya diperbuat.

Mengenai soalan (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam penyediaan Pelan Induk tersebut, juruperunding berkenaan adalah juga dikehendaki menentukan sebuah tapak yang sesuai bagi sebuah lapangan terbang baru di Ipoh. Oleh hal yang demikian, sehingga juruperunding berkenaan selesai menjalankan kajian Pelan Induk tersebut, tidaklah dapat saya menyatakan di sini tapak yang akan dicadangkan bagi pembinaan lapangan terbang baru itu.

Mengenai soalan (c), untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Pelan Induk yang sedang disediakan oleh juruperunding itu ialah untuk pembinaan sebuah lapangan terbang baru di Ipoh yang akan mempunyai kemudahan-kemudahan bagi kegunaan pesawat-pesawat sehingga jenis Boeing 737.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai juruperunding yang dilantik membuat laporan atau kajian itu, adakah juruperunding ini satu juruperunding dari luar negeri atau tempatan?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, juruperundingnya ialah British Airports International, iaitu dari luar negeri, tetapi mempunyai pakar-pakar dan juga komponen yang diambil daripada tempatan.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam membina lapangan terbang yang baru, apakah pihak Kementerian berkenaan juga bercadang untuk mengadakan tempat khas untuk bersembahyang bagi orang Islam, kerana kebanyakan yang kita dapati selama ini lapangan terbang yang baru tidak banyak disediakan tempat-tempat sembahyang bagi orang Islam.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, saya tidak bersetuju dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat itu yang menyatakan banyak lapangan terbang yang baru dibina tidak ada tempat-tempat ataupun surau untuk orang Islam bersembahyang. Sebaliknya, lapangan-lapangan terbang yang baru memang disediakan tempat-tempat untuk orang Islam bersembahyang dan adalah menjadi dasar Kementerian dan juga Kerajaan bagi menyediakan tempat-tempat tersebut.

**Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa berkenaan dengan menyediakan pelan induk yang dibuat oleh consultant belum siap lagi. Jika sekiranya laporan itu siap kelak, adakah kemungkinan rancangan pembinaan lapangan terbang yang baru Ipoh ini akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, oleh kerana laporan itu akan siap pada akhir tahun ini dan selepas dikaji dan jika didapati

sesuai besar kemungkinan pembinaannya dimulakan sebelum akhir Rancangan Malaysia Keempat.

### **HOSPITAL DESA/DAERAH— PENEMPATAN DOKTOR DAN KAKITANGAN**

**2. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa setengah hospital desa/daerah di negara ini tidak mencerminkan masyarakat berbilang kaum berkaitan dengan doktor-doktor dan kakitangannya seperti yang terdapat di Hospital Desa, Changkat Melintang Bota Kanan di mana doktor dan pegawai-pegawainya adalah bukan Melayu sementara pesakit-pesakitnya terdiri dari 100% orang Melayu dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato Lee Boon Peng):** Tuan Yang Dipertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa kriteria untuk menempatkan doktor-doktor dan kategori-kategori kakitangan yang lain di semua hospital-hospital di bawah penyelenggaraan Kementerian Kesihatan tidaklah berdasarkan kepada kaum. Penempatan ini adalah dilaksanakan berdasarkan kepada bilangan doktor dan kakitangan yang sedia ada, kelayakan mereka serta prinsip-prinsip perkhidmatan.

### **UNDANG-UNDANG SEMPADAN DAN KAWASAN PENANGKAPAN IKAN**

**3. Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula undang-undang sempadan dan kawasan penangkapan ikan (sempadan antara negara, sempadan antara negeri dan sempadan antara jenis penangkapan) bagi kaum

nelayan di negara ini yang pada masa ini banyak menimbulkan isu kontroversi.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Nyan):** Tuan Speaker, Kerajaan telah mengkaji ketetapan bahawa di bawah undang-undang sempadan dan kawasan penangkapan ikan di perairan sehingga 12 batu nautika dari garisan pantai adalah laut wilayah manakala perairan 200 batu nautika dari garis dasar adalah sempadan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia.

Bagi sempadan antara negeri tidak terdapat sebarang undang-undang mengenainya. Tetapi peraturan pentadbiran telah diadakan bagi menjaga kepentingan nelayan tempatan dan juga bagi menjaga dari berlakunya pergaduhan antara nelayan tempatan dan nelayan yang datang. Mengenai kawasan untuk jenis perkakas penangkap ikan pula, tiada had bagi pukuk-pukuk tradisi, tetapi bagi pukuk-pukuk Tunda, Jerut Ikan, Kengka Dua Bot dan Moro Ami tidak dibenarkan menangkap ikan di Zon A iaitu dalam kawasan lima batu dari pantai. Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sentiasa mengawasi perkara ini supaya tidak berbangkit sebarang kontroversi.

**Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri berkenaan mengatakan bahawa had sempadan bagi satu kawasan di peringkat antarabangsa ialah 12 batu. Tetapi adakah Kementerian Pertanian sedar bahawa ada juga di antara nelayan-nelayan daripada luar negeri misalnya daripada Thailand sehingga kepada Taiwan pun ada juga datang menangkap ikan di kawasan perairan Selat Melaka bukan setakat 12 batu bahkan kadang-kadang hampir 5-6 batu daripada pantai ada mereka datang menangkap ikan di kawasan perairan laut Selat Melaka ini.

**Dato' Chin Hon Ngian:** Tuan Speaker, jika ada nelayan-nelayan asing masuk ke perairan wilayah Malaysia menangkap ikan, memang ini adalah satu perbuatan yang salah dan tindakan-tindakan undang-undang boleh diambil jika mereka ditangkap.

**Tuan Mokhtaram bin Rabidin:** Soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa kebanyakan nelayan di negara kita ini adalah kurang berpengetahuan dan tidak mempunyai alat-alat penyukat jauh untuk menentukan sempadan kawasan menangkap ikan yang menyebabkan ramai nelayan-nelayan yang ditangkap dan didenda kerana melanggar undang-undang kawasan secara yang tidak disengajakan. Jika Kerajaan sedar, apakah langkah-langkah yang akan dibuat?

**Dato' Chin Hon Ngian:** Tuan Speaker, untuk membantu nelayan-nelayan yang tidak tahu menggunakan alat-alat yang lebih besar untuk menangkap ikan di lautan yang lebih dalam, Kementerian saya sentiasa memberi apa-apa bantuan sama ada dari segi latihan ataupun bantuan-bantuan yang lain untuk memberi kelengkapan atau latihan untuk membantu mereka.

Bahagian yang kedua itu, bolehkah ulangkan?

**Tuan Mokhtaram bin Rabidin:** Tuan Yang Dipertua, pertanyaan saya ialah berhubung dengan nelayan-nelayan yang tidak berpengetahuan dan tidak mempunyai alat untuk menyukat jauh yang menentukan kawasan mereka menangkap ikan. Jadi, dengan sebab kurang pengetahuan dan tidak ada alat mereka termasuk ke kawasan larangan dengan tidak sengaja dan dengan demikian ditangkap dan didenda. Jadi, apakah langkah Kerajaan untuk menolong mereka supaya jangan membuat kesalahan yang tidak disengajakan tadi?

**Dato' Chin Hon Ngian:** Tuan Speaker, sebenarnya kebanyakan nelayan-nelayan mengetahui di mana sempadan-sempadan yang mereka patut menangkap ikan masing-masing oleh kerana mereka telahpun menjalankan perusahaan perikanan begitu lama. Jadi, untuk mereka yang kurang mengetahui, ini adalah satu bilangan yang kecil dan bukan satu masalah yang serius.

**Tuan Haji Saidin bin Mat Piah:** Soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri ada menerangkan bahawa tidak ada sempadan antara negeri-negeri. Walau bagaimanapun, ada peraturan dibuat dengan tujuan untuk memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan tempatan. Saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kerajaan bercadang bagi masa akan datang untuk menukarkan peraturan itu dibuat sebagai satu undang-undang antara negeri-negeri.

**Dato' Chin Hon Ngian:** Tuan Speaker, kita akan timbangkan.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada apa yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pontian tadi maka saya rasa.....

**Tuan Yang Dipertua:** Saya minta kuat sedikit.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Berdasarkan kepada maklumat pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pontian, saya rasa ada nelayan-nelayan yang dengan cara langsung ataupun tidak langsung, sedar ataupun tidak sedar, melanggar sempadan-sempadan menangkap ikan ini. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah langkah-langkah yang telah dan sedang dibuat dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Jabatan Perikanan dengan kerjasama Polis dan Merin di dalam membentaras

berlakunya pelanggaran sempadan-sempadan menangkap ikan iaitu sempadan antara jenis-jenis penangkapan.

Soalan yang kedua, adakah sempadan jenis penangkapan ini sesuai dilaksanakan di perairan-perairan yang terdapat banyak pulau-pulau dan jarak pulau-pulau yang berselerak itu pula lebih kurang 70 kilometer daripada pantai dan kesemua pulau-pulau ini dilengkongkan di dalam sempadan untuk penangkapan jenis tradisi. Jadi, ini bererti motor jenis penangkapan yang lain—pukat tunda yang lebih 40 tan misalnya terpaksa keluar lebih daripada 70 kilometer di tengah laut baru mereka boleh melabuhkan pukat dan menangkap ikan. Jadi, adakah peraturan sempadan untuk jenis tangkapan di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi sesuai?

**Dato' Chin Hon Ngian:** Tuan Speaker, tentang sempadan perairan antara negeri memang boleh dikatakan tidak begitu susah untuk menentukan di mana sempadan itu.

Tentang sempadan-sempadan berkenaan dengan jenis penangkapan ikan itu memang di Zon A itu yang telahpun diutamakan untuk nelayan-nelayan tradisi tidak menimbulkan banyak masalah walaupun masalah tentang pulau-pulau yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu hanya di tempat-tempat yang banyak pulau itu barangkali masalah-masalah akan timbul tetapi masalah itu bukanlah satu masalah yang serius dan juga apabila penangkap ikan atau nelayan-nelayan tradisi menghadapi kesukaran tentang perkara ini iaitu menangkap ikan di sekeliling pulau-pulau itu, mereka sentiasa mendapat bantuan (treatment) yang istimewa daripada Jabatan Perikanan.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya suka mendapat tahu

daripada Timbalan Menteri yang berkenaan di antara nelayan-nelayan ada di antaranya barangkali tidak tahu sempadan-sempadan. Cara manakah Kerajaan memberitahu kepada nelayan-nelayan sempadan-sempadan itu sama ada melalui Jabatan Kaji Cuaca atau cara persiaran diberitahu kepada Penghulu-penghulu supaya memberitahu kepada nelayan-nelayan sempadan-sempadan itu. Bagaimana cara memberitahu kepada nelayan itu.

**Dato' Chin Hon Ngian:** Tuan Yang Dipertua, memang tentang perkara sempadan ini, jika nelayan-nelayan yang berkenaan yang kurang mengetahui di mana atau hadnya sempadan itu, mereka boleh berhubung dengan pegawai-pegawai dari Jabatan Perikanan di tempat yang mereka duduk. Selain daripada itu, boleh dikatakan nelayan-nelayan yang sudahpun mengusahakan perusahaan perikanan ini, mereka telah pun mengetahui di mana sempadannya. Seperti saya katakan sebentar tadi ini bukan satu perkara yang serius. Kebanyakan nelayan sudahpun tahu walaupun ada sebilangan yang kecil yang tidak tahu tetapi sebilangan kecil ini apabila bercampur gaul dengan nelayan-nelayan yang lain mereka pun akan mendapat tahu di mana sempadan itu.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah Timbalan Menteri itu sedar bahawa terlalu banyak tangkapan dan denda yang telah dilakukan kepada nelayan-nelayan, terutama di kawasan saya di perairan Selat Melaka di dalam Negeri Perak dan sehingga ini saya ingin tahu berapakah kes yang telah diambil tindakan dan berapa jumlah pungutan denda yang didapati oleh Kementerian berkenaan. Kedua, bolehkah Menteri yang berkenaan mengkaji semula berkenaan dengan denda-denda yang

dikenakan kepada nelayan-nelayan pukut tunda yang melanggar peraturan oleh kerana saya dapati nelayan-nelayan yang mengadu kepada saya itu, denda yang dikenakan dengan kesalahan yang dilakukan agak tidak berpatutan.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan yang pertama tidak bersangkutan. Yang Berhormat boleh menjawab soalan yang kedua.

**Dato' Chin Hon Ngian:** Tuan Yang Dipertua, saya minta Yang Berhormat itu ulang soalan kedua.

**Tuan Yang Dipertua,** Minta ulangkan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, soalan kedua iaitu bolehkah Kementerian Pertanian mengkaji semula berkenaan dengan denda-denda yang dikenakan kepada nelayan-nelayan, terutama pukut tunda yang saya dapati kebanyakannya mengadu kepada saya dan menunjukkan resit-resit pembayaran denda itu agak tidak seimbang dengan kesalahan yang mereka lakukan.

**Dato' Chin Hon Ngian:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya denda-denda yang dikenakan kepada kebanyakan nelayan-nelayan yang melakukan kesalahan adalah adil, boleh dikatakan lebih adil daripada apa yang patut didendakan.

## PENGUMUMAN YANG DIPERTUA

### KEHADIRAN Pengerusi Majlis Persekutuan Republik Islam PAKISTAN

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan bahawa Tuan Yang Terutama Pengerusi Majlis Persekutuan Republik Islam Pakistan, Tuan Khawaja Mohammad Safdar, ada bersama-sama kita di dalam Dewan ini (*Tepuk*).

Saya mengambil kesempatan mengalu-alukan kehadiran beliau. Saya sangat berasa gembira dan megah kerana beliau telah sudi melawat negara kita dan juga menghadiri persidangan Dewan pada hari ini.

#### **PENDUDUK KAMPUNG BARU**

**4. Tuan Tan Kok Hooi** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa penduduk-penduduk kampung baru bermastautin di situ setiap keluarga telah bertambah ahlinya dan bilangan penduduk dalam kampung baru pun kian bertambah, mereka memerlukan tanah untuk tapak rumah dan bercucuk tanam, dan jika ya, adakah beliau bercadang memperluaskan kawasan setiap kampung baru.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Neo Yee Pan):** Tuan Yang Dipertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perluasan Kampung-kampung baru akan melibatkan soal tanah dan hal tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah diberitahu bahawa beberapa buah negeri, seperti Selangor dan Negeri Sembilan mempunyai rancangan untuk memperluaskan kampung baru. Daya usaha ini adalah tertakluk kepada tapak tanah yang sedia ada atau yang boleh diambil balik.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengurangkan kesesakan di kampung-kampung baru dengan melaksanakan projek-projek perumahan awam kos rendah di dalam dan di sekitar kampung-kampung baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini sebanyak 45 buah projek perumahan awam kos

rendah telah dan sedang dilaksanakan untuk menampung keperluan ini. Jumlah unit perumahan yang akan dapat disediakan melalui projek-projek ini dalam Rancangan Malaysia Keempat adalah dalam lingkungan 7,900 unit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Oleh kerana memperluaskan tanah untuk lebih daripada 400 buah kampung-kampung baru di negara kita sangat perlu untuk menghadapi pertambahan bilangan penduduk-penduduk, adakah Kementerian yang berkenaan mengambil inisiatif dalam mesyuarat Majlis Tanah Negara atau dalam mesyuarat-mesyuarat dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, membincangkan masalah mengenai untuk semua negeri mengambil langkah-langkah untuk memperluaskan boundaries atau sempadan-sempadan kampung-kampung baru sebagai satu dasar untuk semua negeri.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang Dipertua, hal ini saya telah sentiasa berbincang dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dan seperti saya katakan usaha ini terpulanglah kepada tapak tanah yang sedia ada dan apa yang boleh diambil-alih oleh sebab di sekeliling kampung barupun kita menghadapi kekurangan tanah.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Menteri berkenaan tadi beliau mengatakan ada dua buah negeri yang mengadakan rancangan memperluaskan kawasan kampung baru. Maknanya, negeri-negeri lain tidak ada cadangan itu. Adakah ini menunjukkan negeri lain enggan bekerjasama dengan pihak Kementerian?

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang Dipertua, makna yang saya katakan tadi usaha yang diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memperluaskan

kampung-kampung baru itu tertakluk kepada tapak tanah yang sedia ada. Kalau tiada tanah yang hendak diambil macam mana hendak buat rancangan.

**Dato' Lee Kim Sai:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah sangat sulit untuk Kerajaan meluaskan kampung-kampung baru kerana apabila soal ini timbul, selalu dikatakan kuasa mengambil tanah untuk meluaskan kampung baru itu tertakluk di peringkat Negeri, apabila dibincang di peringkat Negeri dikatakan Pusat tidak memberi peruntukan yang cukup untuk menjalankan projek meluaskan kampung baru. Di mana terletaknya kuasa muktamad untuk menjalankan projek meluaskan kampung baru.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang Dipertua, kuasa itu terletak pada Kerajaan Negeri.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh sebab kampung-kampung baru ditubuhkan adalah semata-mata untuk mengelakkan daripada campurtangan dan pencerobohan komunis masa darurat dulu dan sekarang ini negara kita telah pun boleh dikatakan bersih daripada keadaan darurat itu, apakah pentingnya kampung-kampung baru itu diperluaskan lagi sempadannya?

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang Dipertua, tadi dalam jawapan saya, saya ada kata untuk memperluaskan kampung baru untuk mengurangkan kesesakan penduduk kampung baru oleh sebab kampung-kampung baru ditubuhkan di negara ini telah lama dan bilangan penduduknya telah bertambah sepertimana yang saya katakan tadi.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Menteri

Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebentar tadi telah menyatakan bahawa usaha-usaha Kerajaan untuk meluaskan kampung-kampung baru ini disambut dengan baik. Tetapi memandangkan keadaan kampung baru ini sejak dilahirkan adalah merupakan diduduki oleh satu kaum sahaja, jadi dalam usaha untuk meluaskan kampung baru ini adakah rancangan Kerajaan untuk meletakkan berbilang kaum di kawasan tersebut kerana dasar Kerajaan kita berkehendakkan supaya negara kita sentiasa dalam keadaan harmoni di antara ketiga-tiga kaum yang terbesar di negara ini?

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tidak ada, Tuan Yang Dipertua.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri semenjak kampung baru ditubuhkan bukan sahaja dalam kampung baru ini bertambah anak ataupun keluarga dan penuh sesak tetapi ada di antara mereka itu telah bertambah kaya dan bertambah senang. Jadi adakah di antara mereka yang kaya dan mampu itu pihak Kerajaan meminta supaya mereka itu meninggalkan kawasan kampung baru dan mencari kehidupan di dalam kawasan-kawasan lain dengan membeli rumah-rumah dan tanah yang lebih selesa di kawasan-kawasan lain.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang Dipertua, kampung-kampung baru pun ada penduduk yang miskin. Seperti saya katakan tadi kalau ada rancangan perumahan untuk kampung-kampung baru yang layak itu sahaja diberi, yang kaya itu tidak diberi.

**Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Soalan tambahan. Berhubung dengan masalah kampung baru yang mana penduduk-penduduknya terdiri daripada satu

kaum sahaja, tetapi ingin saya bertanya dengan Kementerian yang berkenaan adakah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar bahawa ada satu kawasan di kawasan Parlimen Matang iaitu dalam satu kampung baru, namanya Changkat Jering yang mana pada masa darurat dulu penduduk-penduduk daripada satu kaum ini yakni orang Cina dipindah ke Changkat Jering yang mana tanahnya itu adalah kepunyaan Malay Reservation. Jadi, adakah Kementerian ini akan menggantikan tanah Malay Reservation ini dan diberi tapak lain pula untuk orang Melayu?

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Saya tidak sedar, Tuan Yang Dipertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Kalau saya tidak silap Yang Berhormat Menteri ada sebut dua negeri iaitu Selangor dan Negeri Sembilan di mana ada usaha untuk memperluaskan sempadan kampung-kampung baru. Bolehkah Menteri memberitahu apa usaha ini, adakah persetujuan pada prinsip atau konkrit, beberapa buah kampung-kampung baru yang ada terlibat dan berapa luas itu tanah yang akan diperluaskan?

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang Dipertua, di Selangor, Kerajaan Selangor ada satu peruntukan khas untuk tujuan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi dan sebagai contoh Kampung Baru Serdang Bharu telah diluaskan dan ada ditukarkan nama ke Seri Kembangan iaitu perluasan kampung baru itu meliputi 700 ekar.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana keluasan tanah kampung baru tidak bertambah sedangkan penduduk bertambah, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang mendirikan rumah-rumah flet di kawasan-kawasan kampung baru supaya penduduk-penduduk

kampung baru dapat duduk di situ dan penduduk luar dari kawasan kampung baru juga dapat ditempatkan di situ.

Yang kedua, jika ya, adakah dapat Kementerian menimbangkan supaya sekurang-kurangnya 30% diutukkan untuk bumiputera supaya penduduk kampung baru dapat mencerminkan masyarakat Malaysia.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Berkenaan soalan yang pertama, jawapan itu ya, ada rancangan untuk membina flet berperingkat tiga 'storey' atau lebih sekeliling kampung baru.

Yang kedua, pemberian rumah-rumah awam kos rendah itu tidak berdasarkan kepada kaum, yang itu pembahagian mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian dan syarat-syarat ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

#### MARA—PINJAMAN KEPADA PENIAGA KECIL BUMIPUTERA DI SARAWAK

**5. Datuk Edwin Anak Tangkun** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah wang pinjaman Mara yang telah diberi kepada peniaga-peniaga kecil Bumiputera di Sarawak dan bilangan mereka yang mendapatkan pinjaman dan daripada jumlah itu berapa ramai yang tidak menjelaskan hutang dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, pada 30hb Jun tahun ini terdapat kira-kira 1,325 pinjaman bernilai lebihkurang \$5,914,500 yang sedang berjalan di negeri Sarawak. Dari jumlah ini sebanyak 731 pinjaman yang bernilai \$2,192,700 adalah di bawah \$5,000 yang ditakrifkan sebagai pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil.

Daripada 731 pinjaman kecil ini terdapat kira-kira 337 orang yang tidak menjelaskan hutang mereka mengikut jadual menyebabkan tunggakan sebanyak lebihkurang \$439,400 pada 30hb Jun tahun ini.

Tindakan-tindakan untuk mendapatkan balik wang pinjaman MARA yang telah dijalankan adalah menghantar surat-surat peringatan, melawat ke tempat-tempat peminjam atau menjemput mereka ke pejabat untuk berunding dan jika masih gagal menyerahkan urusan tuntutan kepada peguam untuk tindakan yang lebih tegas.

**Datin Paduka Zaleha binti Ismail:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah pihak MARA mengkaji sebab-sebab mengapa hutang-hutang ini tidak dapat dijelaskan dan sekiranya telah mengkaji adakah cara-cara bagi membantu mereka ini supaya mereka tidak gagal lagi dalam usaha-usahanya itu?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, pihak MARA telah pun mengkaji dan didapati faktor utama yang menyebabkan kegagalan mereka yang mendapat pinjaman daripada MARA membayar balik ialah berkenaan dengan sifat si peminjam tadi, menganggap bahawa wang yang diberikan oleh MARA ialah wang daripada Kerajaan. Bagaimanapun sekarang sebagaimana saya jelaskan tadi, jika masih terdapat mereka yang masih gagal membayar, tindakan yang tegas akan diambil terhadap mereka.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen nampaknya MARA menghadapi masalah dari segi pembayaran balik, adakah benar MARA telah membekukan pinjaman sekarang ini oleh kerana kurang baiknya orang bayar kepada MARA?

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan itu tidak berbangkit, kerana soalan itu berkenaan Sarawak, bukan amnya.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah sekurang-kurangnya pinjaman diberi kepada seorang peniaga kecil di Sarawak dan berapakah sebanyak-banyaknya diberi pinjaman kepada seorang?

**Tuan Yang Dipertua:** Dapat dengarkah Yang Berhormat?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, bolehkah diulang soalan itu?

**Tuan Yang Dipertua:** Sila ulangkan dan minta kuatkan sedikit.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Berapakah banyaknya wang diberi pinjaman bagi satu-satu pinjaman iaitu di segi banyaknya bagi satu pinjaman peniaga kecil itu, dan berapakah sekurang-kurangnya pinjaman diberi kepada satu pinjaman tersebut?

**Tuan Yang Dipertua:** Di Sarawak?

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Ya, di Sarawak.

**Tuan Yang Dipertua:** Bukan di Baling.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya jelaskan tadi, pinjaman sebanyak \$5,000 di Sarawak ditakrifkan sebagai pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil. Bermakna maksima angkanya ialah \$5,000.

**Datuk Edwin Anak Tangkun:** Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan bahawa \$5 juta diberi kepada pemohon di seluruh negara dan \$2 juta kepada peniaga kecil, saya ingin tahu adakah mereka itu diberi lanjutan kursus selepas mereka menerima wang pinjaman dari pihak MARA?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Jawapannya, Tuan Yang Dipertua, memang ada.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah daripada peminjam-peminjam bumiputra di Sarawak itu termasuk juga orang-orang yang bukan bumiputra, tetapi telah memeluk ugama Islam? Yang kedua, apakah peniaga-peniaga kecil yang tidak dapat membayar balik hutangnya kepada MARA itu kebanyakannya terdiri daripada penyokong-penyokong Barisan Nasional?

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan yang kedua itu, saya tidak benarkan. Soalan yang pertama, saya benarkan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, memanglah pinjaman yang saya sebutkan tadi dihadkan kepada kaum bumiputra mengikut Perlembagaan kita.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebutkan iaitu sikap peminjam-peminjam sebagai salah satu faktor yang menyebabkan mereka ini tidak membayar hutang. Jadi, soalnya, mengapakah MARA tidak mengambil kira faktor sikap pemohon-pemohon ini di dalam menentukan kelulusan pinjaman-pinjaman daripada MARA.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, saya agak memanglah sukar bagi pihak MARA hendak menentukan sikap seorang peminjam itu sebelum pinjamannya diluluskan. Bagaimanapun, berikutan dengan tindakan yang diambil oleh pihak MARA sekarang—tindakan yang lebih tegas, pihak Kementerian percaya bahawa sikap orang-orang yang hendak meminjam wang MARA akan berubah lebih elok lagi.

**Tuan Yang Dipertua:** Penghabisan.

**Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Setiap peminjam ini adakah dikehendaki penjaminnya? Itu soalan pertama. Jika sekiranya peminjam-peminjam ini tidak mahu membayar hutang-hutang yang dipinjamnya, adakah MARA akan mengenakan tindakan kepada penjamin-penjamin supaya membayar hutang-hutang?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, bagi pinjaman di bawah \$5,000 tidak diperlukan penjamin.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan nombor dua, adakah MARA akan mengambil tindakan atas penjamin-penjamin juga?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Oleh sebab tidak ada penjamin, jadi tidaklah MARA ambil tindakan (*Ketawa*).

## MAS—RUNDINGAN UDARA MALAYSIA-PARIS

6. **Tuan Oo Gin Sin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan oleh kerana rundingan udara Malaysia-Peranchis baru-baru ini telah sampai jalan buntu disebabkan sikap degil Kerajaan Peranchis apakah langkah-langkah yang sedang diambil supaya Kerajaan Peranchis mengubah sikapnya itu.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, rundingan udara yang telah diadakan di antara Malaysia dengan Peranchis itu adalah untuk mendapatkan penerbangan tambahan ke Paris dan juga untuk memperbaiki kedudukan hak-hak trafik bagi MAS. Sungguhpun rundingan tersebut telah gagal menghasilkan persetujuan baru,

usaha-usaha masih dan sedang diteruskan untuk menyambung semula rundingan sehingga mencapai persetujuan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, apakah sebab-sebab yang besar menyebabkan kegagalan tercapainya persetujuan antara Malaysia dengan Perancis?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya katakan tadi, dua isu yang penting yang mana belum mendapat persetujuan, iaitu satu penambahan bagi penerbangan MAS yang kedua ke Paris yang mana sekarang MAS sedang mengadakan penerbangan satu kali seminggu. Isu yang pertama ialah untuk menambah penerbangan yang berkenaan. Yang kedua, ialah berkenaan dengan surcharge ataupun bayaran tambahan kepada penumpang-penumpang yang menggunakan business class, yang mana kalau penumpang-penumpang itu membayar tambang sepenuhnya dari segi kelas ekonomi mereka boleh dimasukkan ke dalam business class. Akan tetapi Kerajaan Perancis tidak bersetuju dengan cadangan ini melainkan dikenakan surcharge di antara 10% hingga 28%. Pihak MAS tidak bersetuju dengan permintaan supaya surcharge itu dikenakan. Jadi, itulah sebabnya rundingan mengenai isu ini tidak dapat diselesaikan. Sepertimana yang saya katakan tadi, rundingan untuk mengadakan penambahan penerbangan yang kedua bagi seminggu ke Paris telah mencapai jalan buntu, oleh kerana Kerajaan Perancis sedang mengkaji kedudukan pasaran di rantau ini yang sedang diusahakan oleh UTA. Setakat ini UTA iaitu Syarikat Penerbangan Negara Perancis belum membuat penerbangan ke Kuala Lumpur tetapi ada hanya ke Singapura sahaja.

## DADAH—TANGKAPAN KERANA KESALAHAN

**7. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah ramai orang yang ditangkap kerana kesalahan dadah daripada tempoh 1-1-1982 hingga 30-9-1982 dan daripada jumlah ini berapa banyak yang telah dijatuhkan hukuman mati kerana kesalahan mengedar dadah;
- (b) daripada jumlah yang ditahan, berapa ramai rakyat Malaysia dan rakyat negara lain;
- (c) berapa banyak dadah yang telah dirampas daripada tangkapan yang dibuat untuk tempoh di atas; dan
- (d) memandangkan masalah dadah bertambah serius, adakah Kerajaan akan memperkenalkan undang-undang yang lebih ketat untuk memerangi masalah ini.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, menjawab soalan:

(a) Untuk makluman Yang Berhormat seramai 7,860 orang telah ditangkap kerana kesalahan dadah bagi tempoh 1-1-1982 hingga 30-9-1982. Daripada jumlah ini seramai 190 orang telah dituduh di bawah Seksyen 39 (b) Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana mengedar dadah yang mana jika disabit kesalahan mereka hukuman mati atau penjara seumur hidup akan dikenakan. Kes-kes ini masih menunggu perbicaraan keculi satu kes di Kelantan di mana seorang pesalah telah dijatuhkan hukuman.

(b) Dari jumlah 7,860 orang yang telah ditangkap dalam tempoh ini seramai 7,773 orang dari rakyat Malaysia dan bakinya seramai 87 orang adalah terdiri daripada warganegara-warganegara asing.

(c) Bagi tempoh yang sama rampasan-rampasan dadah yang telah dibuat ialah seperti berikut:

Candu mentah .. .. .	60.68 kg.
Candu masak .. .. .	16.81 kg.
Morphine .. .. .	7.553 kg.
Heroin .. .. .	39.664 kg.
Ganja .. .. .	448.07 kg
Pokok Ganja .. .. .	82 pokok
Bahan-bahan psychedelic ..	3.306 biji

Bagi soalan (b) Kerajaan memandang berat terhadap masalah dadah di negara ini dan sentiasa mengkaji peruntukan-peruntukan undang-undang yang sedia ada dengan tujuan membuat pindaan-pindaan yang sesuai dengan keadaan masalah yang saling berkembang. Dalam hal ini satu kajian yang menyeluruh sedang dibuat bagi meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk membolehkan Kerajaan memerangi masalah ini dengan lebih hebat dan lebih berkesan lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang Dipertua, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, di antara langkah-langkah yang akan diambil untuk mengkaji undang-undang supaya mengadakan undang-undang yang lebih ketat untuk memerangi masalah dadah, saya suka mendapat tahu sama ada Kerajaan bercadang mengetahui negara-negara ASEAN dengan memperkenalkan satu undang-undang yang bertujuan untuk merampas harta-harta pengedar dadah sekiranya atau jika pengedar-pengedar itu didapati bersalah oleh mahkamah.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, saya katakan siang-siang tadi iaitu kita akan membuat kajian. Jadi, tunggulah apakala selesainya kajian itu dibuat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini mengenai jawapannya:

(a) berapa orang yang ditangkap dalam tempoh yang tersebut, dan

(b) berapa banyak dadah yang telah dirampas, sama ada untuk kedua-dua perkara ini apabila banding dengan tempoh tahun lalu, adakah ada lebih banyak dan ramai atau kurang?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, saya minta Yang Berhormat itu ulang soalnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sama ada daripada tempoh 1-1-1982 hingga 30-9-1982 orang yang ditangkap dan dadah yang dirampas lebih atau kurang daripada tempoh yang sama—9 bulan dalam tahun 1981—untuk menunjukkan bahawa lebih serius atau sebaliknya?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, soalan berhubung dengan tahun 1981 tidak dibangkit di sini. Apa yang dibangkit ialah soal 1982. Jadi, jikalau Yang Berhormat itu ingin mengetahui bagaimana kedudukan sebenar dan perbezaannya, maka perlulah Yang Berhormat memberi notis terlebih dahulu.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang Dipertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan banyak juga dadah-dadah yang telah dirampas. Saya ingin mendapat penjelasan, apa yang dibuat oleh Kerajaan kepada dadah-dadah yang telah dirampas ini, sama ada Kerajaan menjual balik dalam pasaran (*Ketawa*) ataupun

Kerajaan menggunakan dadah-dadah ini di hospital ataupun dimusnahkan sahaja.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, oleh sebab dadah ini adalah satu perkara yang merbahaya, maka kita tidaklah menyimpan, malah kita memusnahkan dadah-dadah ini.

**Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa orang-orang yang dapat dikesan berkenaan dengan mengedar dadah ini 7,860 kalau tidak salah saya. . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Minta kuat sedikit.

**Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** ....orang-orang yang dikesan yang terlibat berkenaan dengan dadah ini 7,860 dan yang dibicarakan 160 orang. Jadi, kita dapati bahawa terlalu ramai kes-kes ini belum dapat diselesaikan kerana barangkali tidak dapat hendak dihadapkan ke mahkamah. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa dengan sebab kelewatan kita mengenakan hukuman atau membicarakan mereka ini akan menjejaskan gerakan bagi membasmi dadah ini, dan jika bersetuju, apa-apa langkah dapat dibuat supaya dapat setiap orang yang terlibat dengan mengedar dadah ini dapat disegerakan dihadapkan ke mahkamah untuk dijatuhkan hukuman.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, masalah perbincangan ini bukanlah masalah kita. Masalah ini bergantung kepada maklumat-maklumat dan fakta-fakta tertentu, maka bukan senang untuk mahkamah memutuskan sama ada seseorang itu patut dihukum gantung atau tidak, lebih-lebih lagi dalam soal ini. Hukuman mati, bukanlah satu hukuman yang senang. Ianya perlu

difikir, diteliti dan dihalusi; lebih-lebih lagi oleh hakim-hakim kita yang bijaksana dan arif itu.

**Tuan Tan Kok Hooi:** Tuan Yang Dipertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu yang dirampas itu dimusnahkan. Sekarang saya ingin tahu cara musnah, dibakar atau buang dalam laut (*Ketawa*). Sekiranya buang dalam laut—pernah saya dengar juga, boleh jadi pakar selam itu ambil balik dan balik semula kepada pasaran.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, perkataan musnah sendiri telah menerangkan segala-galanya. Pengertian musnah itu sendiri, menjelaskan tindak-tanduk kita.

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Burma baru-baru ini, Kerajaan Burma telah bersetuju untuk bekerjasama dengan negara kita bagi mengatasi masalah dadah. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, adakah Kerajaan akan meminta kerjasama negara-negara lain seperti Thailand, Kampuchea dan negara-negara ASEAN yang lain bagi mengatasi masalah dadah ini?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, saya rasa memang menjadi tujuan dan maksud kita, untuk meminta semua negara-negara yang berkaitan dengan dadah ini, bekerjasama bagi menyelesaikan masalah dadah, sebab masalah ini, adalah masalah yang besar, masalah yang perlu kita benteraskan, khususnya di Tenggara Asia ini.

#### JABATAN KERJA RAYA— ANGGAPAN RAKYAT

**8. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam

menyatakan adakah beliau sedar bahawa rakyat umum pernah mengatakan JKR ialah "Jalan Kurang Rata" dan "Jangan Kerja Rajin", tetapi Menteriya menjawab pula "Jasa kepada Rakyat". Jika sedar, pada hakikatnya banyak jalan-jalan, bangunan-bangunan dan jambatan-jambatan yang diserahkan kepada JKR lambat siap dan banyak terbengkalai. Apakah langkah-langkah baru yang diambil oleh Kementerian untuk menghilangkan anggapan rakyat umum terhadap JKR dengan amalan Bersih, Cekap dan Amanah.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang Dipertua, JKR tetap dengan identitinya sebagai Jabatan Kerja Raya dan sentiasa bertanggungjawab bagi menjamin pelaksanaan projek-projek pembangunan dengan jayanya. Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih adalah semata-mata ungkapan segolongan masyarakat yang tidak memahami dan sengaja tidak mahu mengetahui kaedah-kaedah pelaksanaan projek di bawah Kementerian saya. Mereka membuat kata-kata sinis ini di kedai-kedai kopi sebagai melaung masa untuk mempersendakan dan mencari kelemahan Jabatan-jabatan. Kerajaan bukan sahaja terhadap JKR bahkan juga terhadap Jabatan-jabatan lain. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian juga mengetahui keadaan sebegini.

Kata-kata ini dipersendakan terhadap JKR oleh kerana mereka mungkin ternampak beberapa kerja kecil yang kurang sempurna atau lambat dibina dan terlibat pula beberapa pekerja yang dianggap membuang masa waktu bekerja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, boleh dikatakan kesemua pembinaan projek masa kini telah dikontrakkan kepada pemborong-pemborong luar dan tempatan, tidak

seperti di zaman penjajah dahulu. Jadi apa yang mereka lihat sehari-hari dikebanyakkan tapak projek bukanlah kakitangan JKR, bahkan mereka adalah pekerja-pekerja pemborong. Kakitangan JKR di tapak-tapak ini adalah terdiri dari seorang atau dua pegawai pengawasan sahaja. Kementerian saya akan tetap mengenakan tindakan tatatertib terhadap mana-mana pegawai yang didapati tidak menjalankan tanggungjawab dengan jujur.

Suka saya nyatakan di sini bahawa hampir 80% projek-projek yang pembinaan di bawah pengawasan JKR dapat disiapkan dalam tempoh mengikut masa kontrak. Saya tidak menafikan ada terjadinya kelewatan menyiapkan setengah kerja-kerja pembinaan, tetapi ianya bersebab;

- (i) Kelewatan pembinaan setengah-setengah projek adakalanya kerana masalah lain yang berkait, seperti masalah pengambilan tanah dan setingan mendapatkan bekalan yang mencukupi dan sebagainya. Dalam keadaan ini, JKR tidak abaikan tanggungjawab untuk mendapat segala kerjasama dan tindakan perlu bagi menjamin projek-projek itu berjalan lancar.
- (ii) Kerja-kerja penyelenggaraan (maintenance sentiasa dibuat berdasar kepada jumlah peruntukan yang diluluskan. Keadaan ini juga boleh menimbulkan wasangka kerana JKR sentiasa memberi kesanggupan untuk memenuhi kehendak Kerajaan dan rakyat pada keseluruhannya walaupun ada kalanya peruntukan belum didapati. Kita harus sedar untuk mendapat peruntukan bukanlah merupakan kerja sekelip mata. Walau bagaimanapun suka saya tegaskan bahawa kerja-kerja

penyelenggaraan ini sentiasa dilakukan segera apabila peruntukan diperolehi.

Kementerian saya sentiasa mengemukakan laporan prestasi dalam tiap-tiap persidangan "Belanjawan" dan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum telah membuktikan peratus pencapaian yang tinggi walaupun pertambahan kerja yang begitu banyak bagi tiap-tiap tahun. Adalah tidak adil bagi sesiapa sengaja menonjolkan kesalahan-kesalahan kecil kerana ia tidak seharusnya dijadikan ukuran yang sebenar. Kemampuan JKR iaitu Jabatan Kerja Raya telah terbukti dengan kejayaan pembangunan negara masa kini. Sungguhpun demikian, Kementerian saya tidak berpeluk tubuh dengan kepuasan. Kementerian saya sentiasa mencari jalan dan ikhtiar untuk meningkatkan prestasi sejajar dengan kehendak Kerajaan yang mengamalkan konsep pentadbiran Bersih, Cekap dan Amanah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebab itulah tiap-tiap kali saya katakan dalam Dewan yang mulia ini JKR kata, Jasa Kerja Rakyat.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri untuk menjaga identiti Jabatan Kerja Raya yang berjasa kepada rakyat, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada projek yang diluluskan dalam tahun 1978 dan telah dibina oleh tiga kontraktor bergilir-gilir, tetapi sehingga sekarang masih tinggal rangka sahaja lagi. Adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai rekod kontraktor-kontraktor yang mempunyai beban kerja yang banyak dan juga rekod kejayaan kontraktor sebelum Yang Berhormat Menteri menawarkan satu-satu tawaran kerja yang baru kepada kontraktor tersebut?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang Dipertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan kontraktor, saya telah dan sedang mengambil rekod dan juga saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah mengambil beberapa tindakan untuk menyelesaikan masalah itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Nampaknya kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri itu semakin jauh semakin meloyot sinisisma. Kali ini perasaan saya adalah sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih—Kali pertamalah (*Ketawa*).

Jadi, untuk memperbaiki jasa dan kerja Jabatan itu dengan projek-projek JKR, adakah JKR hendak menguntukkan cukup wang untuk longkang bagi jalan-jalan yang dibina. Setakat ini bila jalan yang dibina, jalan raya atau lebuh raya.

(Timbalan Yang Dipertua *memperkerusi Mesyuarat*) peruntukan itu dapat diberikan untuk longkang yang cukup besar?

**Datuk S. Samy Vellu:** Tuan Yang Dipertua, apa yang saya terangkan tadi iaitu JKR seperti sebuah kedai, apabila kita dapat satu kati tepung, kita buat lima biji kuih, kalau dapat dua kati tepung, kita buat 10 biji kuih. Jika tidak cukup tepung, kuihpun tidak boleh siap (*Ketawa*). Itulah penjelasan daripada saya.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan. Mendengar cakap Dato' Menteri Kerjaya hati cukup sedap, tetapi janji Dato' kepada saya belum tunai lagi. Dalam sidang Parlimen lalu saya ada soal mengenai peruntukan bagi membaiki Lebuh raya Jerangau-Jabor. Di situ Yang Berhormat Dato' ada beri jaminan \$22 juta diperuntukkan untuk bikin balik itu jalan (*Ketawa*) tetapi sekarang jalan itu masih berlubang-lubang lagi dan

belum dapat diperbaiki. Apa yang saya tahu JKR cuma ada peruntukan \$500,000 sahaja, bukan \$22 juta. Yang mana satu peruntukan betul?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang Dipertua, selepas saya menerima aduan daripada Ahli Yang Berhormat itu, saya telah timbulkan perkara ini kepada JKR untuk mendapat siasatan dan laporan daripada mereka, mereka melaporkan kepada saya mereka mesti mengadakan sekurang-kurangnya \$22 juta untuk membaiki keadaan jalan itu iaitu Jalan Jerangau-Jabor. Selepas itu kita telah membangkitkan perkara itu kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat \$22 juta dan mereka telah memberi \$500,000 sahaja iaitu "token". Walau bagaimanapun, saya suka memberikan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat perkara ini sekarang dalam proses rekabentuk, saya harap tidak berapa lama lagi saya akan dapat baki peruntukan sebanyak \$19.5 juta daripada Kementerian Kewangan. Saya mesti berjanji kepada Ahli Yang Berhormat, jalan itu boleh disiapkan (*Ketawa*) selepas saya terima wang.

**Timbalan Yang Dipertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 20 adalah diberi di bawah ini)*

#### ORDINAN PEKERJAAN, 1955— MEMINDA

9. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda Ordinan Pekerjaan 1955 untuk meliputi semua kategori pekerja dan tidak hanya pekerja yang mendapat gaji bawah \$750.00, jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Akta Kerja,

1955 yang dikelola dan dikuatkuasakan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, adalah meliputi dua kategori pekerja-pekerja iaitu:

- (i) Pekerja-pekerja yang digajikan dalam pekerjaan perburuhan (engaged in manual labour) tidak kira berapa banyak gajinya; dan
- (ii) Pekerja-pekerja yang bukan digajikan dalam pekerjaan perburuhan (not engaged in manual labour) yang bergaji tidak melebihi \$750/- sebulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, paras gaji bagi pekerja-pekerja yang bukan digajikan dalam pekerjaan perburuhan telah dinaikkan daripada \$500/- sebulan ke \$750/- sebulan mulai 1-1-77. Buat masa ini, Kerajaan belum lagi ada cadangan untuk meminda peruntukan Akta tersebut bagi meliputi pekerja-pekerja yang bukan digajikan dalam pekerjaan perburuhan yang bergaji melebihi \$750/- sebulan oleh kerana mereka ini adalah dalam peringkat pekerjaan yang lebih tinggi dan dianggap berkebolehan untuk merunding syarat-syarat pekerjaan mereka sendiri. Walau bagaimanapun, Kementerian saya memang sentiasa mengkaji peruntukan ini dari masa ke semasa supaya selaras dengan perubahan masa.

#### PENGGUNA TELEFON DI KLUANG—SUNGUTAN

10. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar kebanyakan pengguna-pengguna Telefon di negara kita ini termasuk pengguna-pengguna di bandar Kluang bersungut berhubung dengan bayaran yang dikenakan oleh pihak Telekom tidak menasabah (terlalu tinggi) dan setengahnya menuduh ada berlaku penyelewengan di antara kakitangan

Telekom berhubung dengan hal ini. Jika benar apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak berkenaan bagi mengatasinya dan jika tidak benar apakah pula tindakan yang telah diambil untuk menjaga imej Jabatan berkenaan.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie Anak Irok):** Saya sedar tentang adanya sungutan mengenai bacaan meter oleh pelanggan-pelanggan telefon, tetapi sungutan-sungutan berkenaan bukan sahaja datangnya dari pelanggan-pelanggan telefon di Kluang sahaja malahan juga dari pelanggan-pelanggan telefon di lain-lain kawasan.

Dalam hal ini, saya ingin maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sebenarnya Jabatan Telekom menyedia dan mengeluarkan tidak kurang dari 550,000 bil telefon pada setiap bulan. Daripada jumlah ini cuma di antara 1,600 hingga 1,800 pelanggan sahaja atau 0.3% yang telah mengadu tentang ketidak-puasan tuntutan panggilan bermeter yang dikenakan dan daripada jumlah ini juga adalah didapati cuma 0.03% sahaja yang merupakan aduan berasas berkenaan bacaan meter.

Oleh yang demikian, jelaslah di sini bahawa sungutan mengenai tuntutan bermeter oleh pelanggan adalah tidak terlalu tinggi. Walau bagaimanapun keadaan itu diburukkan lagi dengan adanya aduan-aduan demikian diperkatakan melalui akhbar serta mengaitkan punca-punca kenaikan bacaan meter itu kepada perbuatan penyelewengan melalui "rigging" oleh anggota Telekom sendiri, tetapi sehingga kini, Kementerian saya masih tidak mempunyai apa-apa bukti yang menunjukkan perbuatan demikian dilakukan oleh anggota Telekom.

Di dalam menerima aduan mengenai sungutan bacaan meter, pihak Telekom tidak hanya

menyelidikinya secara umum sahaja. Malahan tiap-tiap aduan berkenaan perkara ini terpaksa ditelitikan satu persatu. Siasatan yang rapi perlu dijalankan ke atas semua peralatan pelanggan di Ibusawat. Penyiasatan sedemikian melibatkan masa yang agak panjang dan sekiranya penyiasatan berkenaan menunjukkan bukti-bukti yang tepat sebagaimana yang diadukan, barulah penyelarasan kredit diberikan kepada pelanggan berdasarkan formula-formula tertentu. Sekiranya aduan tersebut didapati tidak benar, maka bayaran kepada pelanggan akan dikekalkan dan pihak Jabatan Telekom akan memberikan satu kenyataan bertulis kepada pelanggan menyatakan bahawa siasatan menunjukkan yang talian dan peralatan ibusawat untuk telefonnya berada di dalam keadaan yang memuaskan.

#### LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)

**11. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dalam usaha untuk mempertingkatkan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar negeri Kedah dan berapa jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh pihak tersebut sampai hari ini dan apakah sebabnya KEDA memerlukan tokoh-tokoh UMNO yang pencen dijadikan ahli-ahli Lembaga.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):** Walaupun KEDA baru sahaja diwujudkan tetapi KEDA telah dapat menjalankan beberapa projek pembangunan seperti berikut:

- (1) Dua buah projek pembangunan tanah dan pertanian iaitu sebuah projek ladang kopi dan

pisang di Charok Tualang, Sik dan Projek Penanaman kelapa mawa di Pulau Tuba, Langkawi.

- (2) Dua buah projek pembangunan perusahaan kecil desa iaitu sebuah projek pertukangan besi di Charok Tualang, Sik dan sebuah projek membuat bidai dari buluh dan buluh bersama kayu di Naka.
- (3) Tiga buah projek pembangunan kampung-kampung tradisional di kampung Pulau Sayak dan Kampung Berjaya di Kuala Muda dan Kampung Lenggong di Baling.

Di samping itu KEDA juga telah membuat kaji selidik ke atas 71 buah kampung-kampung tradisional. Kaji selidik ini bertujuan mengumpulkan beberapa banyak maklumat dan perangkaan agar dapat digunakan untuk perancangan masa hadapannya.

Sehingga akhir bulan September 1982, KEDA telah membelanjakan wang sejumlah \$2.60 juta untuk pembangunan dan pengurusan. Selalunya perlantikan ahli lembaga itu berkait rapat dengan kebolehan, pengalaman dan kemampuan seseorang itu menjalankan tugas yang akan diserahkan itu. Sekiranya seseorang itu mempunyai sifat-sifat di atas, maka besar kemungkinan yang ianya akan terpilih untuk menjalankan tugas sebagai salah seorang ahli Lembaga.

#### CUKAI PENDAPATAN—BAYARAN INDIVIDU

**12. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hasil yang terdiri dari sebilangan seribu orang individu yang membayar cukai pendapatan yang tertinggi serta beri pecahan angka mengikut kaum.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Jumlah hasil dari seribu orang individu yang membayar cukai pendapatan yang tertinggi ialah kira-kira \$107.9 juta. Ini merupakan jumlah bagi Semenanjung Malaysia sahaja. Pecahannya mengikut kaum ialah seperti berikut:

(i)	414	..	Cina	\$ 45,852,451
(ii)	398	..	Bukan Rakyat Malaysia	42,657,125
(iii)	82	..	Melayu	9,246,669
(iv)	61	..	Lain-lain Rakyat bukan Malaysia	5,849,180
(v)	45	..	India	4,284,685
				\$107,890,110

#### MESYUARAT AGONG MCIS— KEKECOHAN

**13. Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada siasatan dibuat tentang punca kekecohan yang berlaku di dalam Mesyuarat Agong MCIS pada 27hb Jun yang lepas. Apakah hasilnya dan adakah sebarang tindakan diambil.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid):** Penyiasatan telah pun diadakan selepas Mesyuarat Agong Tahunan MCIS yang diadakan pada 27hb Jun, 1982 ditangguhkan. Penyiasatan tersebut dijalankan oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia. Di antara faktor-faktor yang menyebabkan kekecohan yang berlaku ialah terdapat terlalu ramai ahli-ahli yang hadir dan kebanyakannya pula bangun bercakap sehingga Pengerusi sendiri tidak dapat mengawal perjalanan mesyuarat tersebut dengan tegas dan teratur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum Mesyuarat Agong Tahunan tersebut diadakan suatu penyiasat di bawah Seksyen 37 (1) Ordinan Koperasi 1948 telah pun dijalankan oleh Jawatankuasa Penyiasat terdiri dari 6 orang pegawai-pegawai kanan Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia. Penyiasatan tersebut dibuat atas tuduhan-tuduhan penyelewengan yang berlaku dalam pengurusan dan pentadbiran MCIS. Laporan Penyiasatan tersebut telah siap selepas penangguhan Mesyuarat Agong Tahunan MCIS yang diadakan pada 27hb Jun, 1982. Hasil penyiasatan atas penyelewengan tersebut telah mendorong Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia mengambil tindakan bagi membubarkan Lembaga Pengarah MCIS di bawah Seksyen 37 (A) Ordinan Koperasi 1948 mulai 6hb September, 1982 dan melantik satu Jawatankuasa Pengurusan mulai pada 7hb September, 1982 bagi tempoh selama 15 bulan.

#### **SEMPADAN SUNGAI MUDA ANTARA PULAU PINANG- KEDAH**

**14. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi pertikaian sempadan sejauh 9 batu di Sungai Muda di antara Pulau Pinang dan Kedah.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):** Negeri Kedah dan Pulau Pinang telah pun mencapai persetujuan pada dasarnya terhadap perkara sempadan di antara kedua-dua negeri itu dan telah menandatangani suatu Memorandum Persefahaman mengenai perkara ini pada hari Isnin, 25hb Oktober, 1982 di Bangunan Tuanku Syed Putera, Pulau Pinang. Memorandum tersebut telah ditandatangani oleh Y.A.B. Menteri Besar Kedah dan Y.A.B. Pemangku

Ketua Menteri Pulau Pinang. Y.B. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sebagai wakil Kerajaan Persekutuan telah memainkan peranan selaku "orang tengah" atau "mediator".

Walau bagaimanapun, Memorandum Persefahaman tersebut adalah menjadi garis panduan sahaja dan butir-butir lengkap dan tindakan seterusnya hendaklah diambil oleh Kerajaan kedua-dua Negeri itu dan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan persefahaman yang dicapai mengikut keperluan undang-undang. Sepertimana saya telah pun memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini pada 12hb Oktober yang lalu, apa-apa persetujuan bagi mengubah sempadan di antara Negeri-negeri hendaklah dilaksanakan menurut Fasal (b) Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan.

#### **SYARIKAT MAJUIKAN PANTAI TIMUR—PENUTUPAN**

**15. Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada benar sebuah anak Syarikat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Syarikat Majuikan Pantai Timur) telah ditutup dan jika ya, mengapa dan bagaimanakah kedudukan harta benda syarikat serta nasib bekas pekerja syarikat itu.

**Dato' Chin Hon Nyan:** Memang benar sebuah anak Syarikat LKIM MAJUIKAN Pantai Timur Sdn. Bhd. telah saya arahkan ditutup pada 20hb Mac, 1982. Penutupan syarikat ini adalah berasaskan kepada dasar Kementerian bahawa LKIM hendaklah menumpukan usahanya untuk membangunkan nelayan di dalam perusahaan perikanan secara terus-menerus sebagai fishermen entrepreneur melalui skim galakan sewa beli yang dijalankan oleh LKIM sejak penghujung tahun 1980. Cara ini adalah didapati lebih sesuai kerana apa yang menjadi sasaran ialah

pembangunan nelayan itu sendiri di dalam bidang industrinya dan bukan keperluan untuk menjayakan secara government enterprise di dalam perikanan. Dari segi harta benda syarikat ini pula bot-bot syarikat MPT Sdn. Bhd. akan diambilalih oleh LKIM dan akan diserapkan di dalam skim sewa beli. Sebuah kilang airbatu yang masih lagi di dalam pembinaan di Chenderin. Terengganu akan juga terlebih dahulu diambilalih oleh LKIM. Berkaitan dengan pekerja-pekerja syarikat ini kesemuanya akan diserap ke jawatan-jawatan dalam LKIM.

### PELAN INDUK BASMI KEMISKINAN DI SARAWAK

**16. Tuan Sim Kwang Yan** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sebuah Pelan Induk telah dibuat untuk membasmikan kemiskinan di Sarawak; jika ya, berikan butir-butirnya dan angka-angka matlamat yang telah ditetapkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik):** Tidak ada pelan induk membasmikan kemiskinan yang khusus dan berasingan bagi Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, Rancangan Pembasmian Kemiskinan bagi Negeri Sarawak adalah termasuk di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang iaitu Dasar Ekonomi Baru Kerajaan (1971-1990).

Sebagaimana yang sedia maklum, semenjak Rancangan Malaysia Kedua hinggalah Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan telah menjadikan rancangan membasmikan kemiskinan ini sebagai objektif utamanya. Ini akan berpanjangan hinggalah ke Rancangan Malaysia Kelima. Dalam konteks ini, semua Kementerian, Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri-negeri telah menjadikan rancangan ini sebagai objektif utamanya di dalam rancangan-rancangan pembangunan

mereka. Memandangkan keadaan taburan penduduk yang meluas, perbezaan amalan-amalan pertanian serta kemudahan-kemudahan infrastruktur dan institusi yang kurang maju di Sabah dan di Sarawak, strategi dan program untuk memenuhi keperluan-keperluan tertentu golongan miskin di kedua-dua buah negeri itu telah dan akan disediakan. Penekanan terhadap projek-projek pembangunan sosio-ekonomi terutamanya di dalam sektor pertanian dan pembangunan luar bandar telah dan akan diberi perhatian yang berat di Negeri Sarawak.

### PENDUDUK TETAP—JUMLAH

**17. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah penduduk tetap (permanent residents) yang berada di Malaysia setakat ini, jumlah dari mereka yang telah memohon untuk mendapatkan kerakyatan, jumlah yang berjaya menjadi Warganegara Malaysia.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Jumlah penduduk tetap yang berada di Malaysia setakat ini ialah seramai 330,234 orang. Semenjak tahun 1961 sehingga 30hb September, 1982 sejumlah 955,126 penduduk tetap telah memohon untuk mendapat kewarganegaraan Malaysia. Dari jumlah tersebut seramai 889,858 orang telah berjaya mendapatkan Kewarganegaraan Malaysia.

### JENAYAH OLEH ORANG INDONESIA

**18. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan jenayah yang telah dilakukan oleh orang asing Indonesia bagi 5 tahun lepas dengan pecahan angka bagi tiap-tiap satu tahun daripada 1977 ke 1981 dan bagi tiap-tiap satu negeri;

- (b) berapakah jenayah ini yang telah dilakukan oleh mereka yang mempunyai status penduduk atau residential status; dan
- (c) adakah Menteri telah mengambil tindakan untuk membuang negeri semua kes orang Indonesia yang memasuki dalam negara secara haram yang telah diketahui memandangkan keselamatan negara kerana

bilangan yang sangat besar kes-kes jenayah yang telah dilakukan oleh kaum mereka.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:**

- (a) Bilangan jenayah yang dilakukan oleh orang-orang Indonesia di Malaysia tiap-tiap tahun dari tahun 1977 hingga 1981 mengikut negeri adalah seperti berikut:

	1977	1978	1979	1980	1981	Jumlah
Kedah/Perlis ..	—	—	—	2	1	3
Pulau Pinang ..	—	—	—	2	2	4
Perak .. .. .	—	—	—	—	1	1
Selangor .. ..	1	—	3	5	21	20
Wilayah Persekutuan	14	—	4	12	20	50
Negeri Sembilan ..	—	—	1	4	4	9
Melaka .. .. .	—	4	—	—	—	4
Johor .. .. .	4	17	15	18	19	73
Pahang .. .. .	—	—	3	6	19	28
Kelantan .. ..	—	—	—	—	—	—
Terengganu .. ..	—	—	1	2	7	10
Sabah .. .. .	41	19	33	54	75	222
Sarawak .. .. .	2	—	—	—	7	9
<b>JUMLAH ..</b>	<b>62</b>	<b>40</b>	<b>60</b>	<b>105</b>	<b>176</b>	<b>443</b>

- (b) Dari bilangan ini, jenayah yang dilakukan oleh orang-orang Indonesia yang mempunyai taraf penduduk tetap Malaysia ialah 199 kes.

- (c) Kerajaan telah mengambil tindakan dengan menangkap orang-orang asing yang memasuki negara ini secara haram, tidak kira dari negara mana sekalipun. Setelah dihadapkan ke Mahkamah dan selepas menjalani hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah mereka diusir keluar dari negara ini. Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa

sangat ramai pendatang haram Indonesia terlibat dengan kes-kes jenayah adalah tidak benar sama sekali kerana dari perangkaan yang saya telah sebutkan tadi penglibatan mereka hanyalah 0.6% sahaja dari jumlah kes-kes jenayah di seluruh negara dalam tempoh yang sama.

**TAN MENG KWAN—KEBENARAN BERMALAM DI HONG KONG**

**19. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebabnya

permohonan Encik Tan Meng Kwan untuk mendapatkan kebenaran bermalam di Negeri Hong Kong yang dipohon melalui Encik Seow Hun Khim dalam surat-surat yang bertarikh 8-2-80, 17-12-81 dan 17-5-82 telah tidak diberi sebarang jawapan daripada pihak beliau walaupun Encik Tan adalah seorang warganegara Malaysia yang sah dari segi undang-undang.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Perkara ini telah dijawab oleh Kementerian saya pada 21-7-80. Kes ini sudah pun selesai.

### PERJUDIAN—MENGHARAMKAN

**20. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** minta Perdana Menteri menyatakan kerumitan yang disuarakannya untuk mengharamkan semua jenis perjudian yang dahulunya diluluskan oleh Kerajaan dan sama ada antara lain sebab-sebabnya ialah kerana takut pemegang-pemegang sahamnya menanggung kerugian atau kerana takut pihak Kerajaan kehilangan hasil akibat pengharaman itu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Anwar Ibrahim):** Oleh kerana pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Matang ini adalah hampir sama dengan pertanyaan-pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa pada 16/11 dan 19/11 dan juga Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pada 30-11-1982 maka saya memohon izin dari Tuan Yang Dipertua untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut dengan serentak.

Perlulah dijelaskan bahawa pihak Kerajaan sememangnya "committed" untuk menghapuskan segala bentuk kemaksiatan termasuk perjudian dan arak. Ini dilakukan melalui penerangan-penerangan dan juga melalui kegiatan dakwah yang

dijalankan oleh Kerajaan dan Badan-badan dakwah. Masyarakat Islam adalah sentiasa diperingatkan untuk mengelakkan diri dari terjerumus dalam kegiatan-kegiatan tersebut.

Merujuk kepada soalan arak, Jabatan-jabatan Agama Negeri sememangnya mempunyai kuasa untuk menghukum orang-orang Islam yang didapati meminum arak. Dengan adanya hukuman sedemikian jelaslah bahawa Kerajaan bukan sahaja tidak menggalakkan minuman arak bahkan mengharamkannya di kalangan umat Islam. Walau bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa Jabatan-jabatan Agama Negeri sedang mengkaji semula hukuman-hukuman tersebut agar ianya akan lebih berat lagi.

Kerajaan juga sedar bahawa pengharaman terhadap minuman arak itu hanyalah ke atas umat Islam. Lantaran itu, adalah dirasakan kurang menasabah pada peringkat ini, saranan untuk mengharamkan sama sekali arak di Malaysia memandangkan ujudnya penduduk pelbagai agama.

Kerajaan juga sedang serius mengkaji usul mengharamkan semua jenis perjudian. Satu permulaan positif ke arah ini adalah pengumuman Y.A.B. Perdana Menteri baru-baru ini bahawa umat Islam akan dilarang dari memasuki Kasino di Genting Highland. Begitu juga langkah beberapa buah Kerajaan Negeri mengambil tindakan mengharamkan kelab-kelab perjudian di negeri tersebut.

Walaupun bagaimanapun, perlulah dijelaskan juga beberapa kesulitan berhubung dengan langkah pengharaman tersebut. Pertamanya kerana Kasino adalah melibatkan pekerja-pekerja Islam dan Kedua, cara penguatkuasaan pengharaman tersebut. Inilah di antara masalah yang

sedang dikaji sehubungan dengan soal pengharaman semua bentuk perjudian di kalangan umat Islam.

Adalah tidak tepat untuk dikaitkan kelewatan langkah tersebut atas alasan takut kerugian kepada pemegang saham. Namun begitu, Kerajaan terpaksa meneliti kesan terhadap badan-badan kebajikan yang mendapat bantuan dari hasil perjudian tersebut agar dapat diperolehi ganti peruntukan yang lain.

Kerajaan sentiasa menegaskan dan memperingatkan masyarakat Islam supaya mengelakkan diri mereka dari perjudian dan arak. Langkah-langkah juga diambil peringkat demi peringkat bagi mencapai maksud tersebut. Namun, kajian akan implikasinya juga harus disedari supaya persiapan dan penerangan dapat dilakukan. Dan akhir sekali, prinsip yang diamalkan di dalam Kerajaan berhubungan dengan Undang-undang dan hukuman ialah bahawa menegakkan hukuman secara berkesan adalah juga melalui kesedaran tentang keperluan hukuman itu di kalangan rakyat.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang Dipertua, saya suka mencadangkan:

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

#### *Jawatankuasa*

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Anggaran Pembangunan 1983 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Kelima).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B. 18 (Jadual)*

*Maksud P. 18 (Anggaran Pembangunan, 1983)*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Timbalan Menteri Perusahaan Utama menyambung jawabannya.

3.36 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyambung semula untuk memberikan penjelasan tentang Kementerian saya bagi beberapa

perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari Jumaat 12hb November, 1982 yang lalu.

Tuan Pengerusi, berlanjutan dengan penjelasan saya minggu lepas mengenai getah dan sehubungan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dan Petaling berhubung dengan bantuan tanam semula getah, suka saya memaklumkan bahawa langkah-langkah untuk memesatkan rancangan tanam semula adalah selaras dengan dasar pengeluaran dinamik bagi getah asli negara.

Memandangkan prospek barangan tersebut dalam jangka sederhana dan panjang adalah cerah, program-program dan strategi-strategi bertujuan untuk menambahkan pengeluaran getah negara dalam tahun-tahun yang akan datang adalah perlu dilaksanakan. Salah satu daripada program-program tersebut ialah melalui penggiatan rancangan tanam semula dengan klon-klon yang bermutu tinggi supaya hasil pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil dapat ditingkatkan lagi.

Tuan Pengerusi, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum kadar bantuan tanam semula di bawah RISDA telah dinaikkan daripada \$1,200 seekar iaitu \$2,696 sehektar kepada \$2,200 seekar iaitu \$5,436 sehektar sejak 1981 bagi kebun-kebun getah yang keluasanya kurang daripada 10 ekar ataupun 4.47 hektar. Di samping itu beberapa kemudahan-kemudahan lain juga diberikan melalui RISDA seperti subsidi input pertanian dan juga pemberian kredit kepada pekebun kecil semasa tempoh pokok getah belum matang. Di samping itu Kerajaan dari masa ke semasa melalui langkah-langkah fizikal telah membuat beberapa perubahan di masa lalu bertujuan untuk menggalakkan peruntukan dan perkembangan

industri getah asli yang sihat dalam jangka masa pertengahan dan panjang. Selaras dengan dasar pengeluaran dinamik getah asli sepertimana yang dimaklumkan dalam pengumuman Belanjawan 1983 baru-baru ini beberapa projek langkah-langkah fizikal juga telah diberi untuk memberi faedah yang lebih kepada industri getah, khususnya sektor pekebun kecil. Ini dilaksanakan dengan menaikkan harga threshold daripada 154 sen sekilo kepada 170 sen sekilo. Di samping mengadakan perubahan duti yang lebih baik ke atas getah gred rendah, Kerajaan juga telah membuat perubahan mengenai asas pengiraan duti eksport bagi kumpulan getah gred tinggi dengan tujuan untuk menggalakkan pengeluaran getah yang bermutu tinggi khususnya di kalangan pekebun kecil dan dengan itu menghasilkan pendapatan maksima dari pengeluaran getah yang mereka keluarkan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga menyentuh mengenai perusahaan nenas dan langkah-langkah untuk menyelamatkan mereka yang terlibat itu.

Berhubung dengan tanaman nenas dari jenis untuk ditinkan Kerajaan memang menggalakkan penanaman-penanam nenas khasnya pekebun-pekebun kecil menanam tanaman-tanaman lain seperti getah, kelapa sawit dan koko yang lebih menguntungkan di samping mempunyai pasaran yang luas, terutama di kawasan di mana tanah tidak menjadi masalah. Keadaan ini terbukti di mana keluasan tanaman nenas pekebun kecil telah merosot dari keluaran asal 10 tahun dahulu dari lebih kurang 22,000 ekar atau 8,900 hektar kepada hanya 13,000 ekar iaitu 5,200 hektar pada tahun lepas.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, memandangkan kawasan tanah gambut yang dalamnya

lebih daripada 10' hanya nenas sahaja tanaman commercial yang boleh diusahakan, Kerajaan akan terus membantu pekebun-pekebun kecil menanam nenas dengan daya pengeluaran yang lebih tinggi dan mutu buah yang lebih baik dengan memberi beberapa kemudahan dan bantuan seperti bantuan menanam semula, subsidi baja dan lain-lain khidmat sokongan. Bagi menjamin perusahaan nenas tin terus maju Kerajaan telah memutuskan supaya Kilang Nenas Malaysia (PCM) harus menubuhkan ladang sendiri bagi mendapat pembekalan buah nenas yang mencukupi memandangkan pengeluaran buah nenas dari sektor pekebun kecil terus merosot dari penukaran tanaman nenas kepada lain-lain tanaman atau penukaran kepada kerja-kerja lain yang lebih menguntungkan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang, suka saya maklumkan bahawa Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi membantu perusahaan perlombongan khususnya para pekerja lombong dan juga tuanpunya-tuanpunya lombong di dalam tempoh kawalan eksport.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam Belanjawan Negara bagi tahun 1983 harga permulaan bagi cukai eksport timah diumumkan telah dinaikkan daripada \$23.15 sen sekilo kepada \$26.40 sen sekilo. Kenaikan titik permulaan ini telah didapati perlu oleh kerana pengeluar-pengeluar timah terus menghadapi kesulitan akibat kenaikan kos pengeluaran serta keuntungan yang berkurangan. Selain daripada itu Kerajaan juga telah mengangankan langkah untuk mengurangkan pengeluaran timah sebanyak 25% daripada jumlah pengeluaran biasa bagi memastikan supaya bekalan

timah di pasaran dunia tidak berlebihan dan dengan demikian harga timah dapat dipulihkan semula.

Malaysia akan terus memainkan peranan penting dalam melaksanakan Perjanjian Timah Antarabangsa Ke 6. Berhubung dengan operasi stock penimbal dan kawalan eksport, usaha juga sedang diteruskan ke arah penubuhan Persekutuan Negara-negara Pengeluar timah guna untuk menggalakkan sikap berdikari dan memupuk semangat bekerjasama yang erat di antara negara-negara pengeluar timah dengan memberi tekanan di bidang pemasaran, penyelidikan dan kemajuan timah serta menyokong usaha-usaha yang dijalankan oleh Perjanjian Timah Antarabangsa.

Kementerian saya juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tetap untuk menimbang langkah-langkah bagi menolong perusahaan timah khususnya pekerja-pekerja lombong dalam keadaan kawalan eksport.

Berhubung dengan hari bekerja bagi pekerja-pekerja lombong, hasil perbincangan yang telah diadakan di dalam Jawatankuasa Tetap beberapa perubahan telahpun dipersetujui oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan perubahan-perubahan ini akan diwartakan tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai syor-syor yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh berhubung dengan perkayuan, suka saya mengatakan bahawa sekarang ini memang ada latihan yang diberikan oleh Kerajaan kepada bumiputra. Jabatan Perhutanan ada mengadakan kursus dalam bidang pembalakan di Sekolah Latihan Perhutanan Kpong dan di Pusat Latihan Membalak, kursus ini akan ditingkatkan dari semasa ke semasa. Juga untuk membolehkan bumiputera untuk mendapatkan kemahiran dalam penggunaan jentera-jentera dan

mesin-mesin berat, latihan juga ada disediakan di Instituti Kemahiran MARA. Bersangkutan dengan ini nasihat sering diberi kepada pengusaha-pengusaha bumiputera dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekarang terdapat sebuah Unit Pényertaan Bumiputera di Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia yang merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Pengerusi, mengenai pemberian pinjaman, sungguhpun Kementerian saya tidak mempunyai kuasa untuk mengarah atau meminta sesuatu institusi kewangan memberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha perindustrian bumiputera, Kementerian saya percaya bahawa ada sekarang ini beberapa institusi kewangan yang berminat memberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha perindustrian bumiputera, Sehubungan dengan ini pengusaha-pengusaha boleh berurusan secara langsung dengan institusi-institusi berkenaan untuk mendapatkan pinjaman.

Tuan Pengerusi, mengenai cadangan supaya memberi lebih banyak konsesi kepada bumiputera, saya suka menyatakan bahawa perkara ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Mengikut angka dalam tahun 1981 sebanyak 71% daripada jumlah lesen atau permit untuk membalak adalah diberi kepada pengusaha bumiputera. Selain daripada itu 780,000 hektar kawasan balak telah diberi kepada 12 buah Kompleks Perindustrian yang mana antara 51% hingga 100% equitinya adalah kepunyaan bumiputera. Sekarang ini telah dapat 16 jenis kayu balak yang eksportnya telah diharamkan, yang lain-lain pula eksportnya adalah berdasarkan kuota. Dengan demikian langkah ini dapat menggalakkan penubuhan industri

perindustrian tempatan dan ini memberi peluang kepada bumiputera untuk bergiat di dalam industri perindustrian.

Mengenai keraguan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling, saya suka menjelaskan bahawa sungguhpun peruntukan ini kecil bagi maksud-maksud yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat ianya boleh ditambah dari setahun ke setahun terutamanya oleh kerana perkara penyelidikan ini merupakan perkara jangka panjang.

Tuan Pengerusi, akhir sekali berhubung dengan soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda berkaitan dengan penggalakan tanaman tembakau di Kedah, sebenarnya Kementerian saya melalui Lembaga Tembakau Negara memang ada memberikan galakan yang saksama ke atas tanaman tembakau di negeri Kedah sebagaimana galakan yang telah diberikan kepada negeri lain.

Untuk perhatian Ahli Yang Berhormat, ketika ini Lembaga Tembakau Negara mempunyai sebuah cawangan kawasanya sendiri di Kedah, di samping itu Lembaga juga mempunyai dua buah cawangan kecilnya iaitu di Gurun dan di Jitra. Cawangan-cawangan ini dapat memberikan perkhidmatannya kepada penanam-penanam dan pegawai-pegawai tembakau yang mengusahakan kawasan tanaman seluas 396 hektar. Lembaga Tembakau Negara sedang berusaha untuk memajukan lagi tanaman tembakau di Kedah, tumpuan utama yang awal diberikan kepada usaha-usaha pemulihan kawasan-kawasan tanaman tembakau yang sedia ada, di samping itu rundingan-rundingan juga sedang dijalankan oleh Lembaga Tembakau Negara bagi memajukan tanaman ini di kawasan-kawasan lain di Kedah.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbincangan peruntukan untuk Kementerian saya.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$258,893,900 untuk Maksud B. 19 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$258,893,900 untuk Maksud B. 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$21,959,870 yang disebutkan dalam Maksud P. 19 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$21,959,870 untuk Maksud P. 19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

*Maksud B. 20 (Jadual)—*

*Maksud P. 20 (Anggaran Pembangunan, 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala B. 20 dan Kepala P. 20 di bawah Kementerian Pertanian dibuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.49 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya mahu bangkitkan dua perkara, pertama di bawah B. 20, Butiran 1100.

Tuan Pengerusi, nelayan-nelayan pukat tunda. Mengenai nelayan-nelayan pukat tunda yang telah

digerakkan oleh Jabatan Perikanan dalam pertengahan tahun 1960an supaya menukar cara menangkap dari cara-cara tradisi kepada pukat tunda untuk menambah jumlah penangkapan ikan di negara ini menghadapi kesukaran-kesukaran dan kesulitan-kesulitan yang amat sangat terutama sekali selepas peraturan perikanan tahun 1980 diperkenalkan yang memerlukan penggunaan pukat tunda yang mata pukatnya tidak kurang dari 1.5" berbanding dengan ukuran 1" dahulu.

Pada 19hb Oktober, 1982 Kesatuan Perikanan Batu Pahat, Johor dalam mesyuarat tergemparnya meluluskan usul-usul yang meminta Yang Berhormat Menteri Pertanian membantu mereka.

Pertama, mereka memohon jasa baik dan pertolongan Yang Berhormat Menteri Pertanian membatalkan peraturan-peraturan perikanan mengenai penggunaan pukat tunda, pukat yang mata pukatnya berukuran 1½ inci dengan sebab dalam kawasan Batu Pahat, Johor kebanyakan hasil penangkap ikan, iaitu pukat tunda ialah udang puteh, udang batu, udang tajam dan udang merah yang badannya panjang di antara 1½ inci dan 2 inci, udang besar hanya berjumlah 1% dari hasil penangkapan mereka. Dengan udang tersebut yang kecil itu diwajibkan menggunakan pukat tunda yang mata pukatnya berukuran 1½ inci itu maka udang-udang kecil itu akan mudah dilepaskan dari pukat oleh kerana pukat tunda ditarik dengan deras dan udang-udang yang terlepas itu akan mati dan mengotorkan muka air laut.

Kedua, dalam bulan Mac, 1982 Jabatan Perikanan telah menjalankan gerakan tangkap dan kaji di kawasan Batu Pahat selama 3 hari untuk menguji dan menyiasat penggunaan pukat yang mata pukatnya berukuran 1½ inci itu. Dalam tempoh selama 3 hari itu pegawai-pegawai yang

berkenaan menangkap ikan dan udang sebanyak 6 kali setiap hari, hasil penangkapan mereka itu hanya \$97.60 dalam tempoh 3 hari itu. Hal itu menunjukkan bahawa pukot yang mata pukatnya berukuran 1½ inci itu tidak sesuai digunakan oleh kaum pukot tunda.

Ketiga, mereka menimbulkan masalah nelayan pukot tunda yang dikehendaki menangkap ikan di kawasan sejauh 5 batu laut dari pantai di mana mereka sentiasa diancam dan diperas ugut oleh lanun-lanun di kawasan yang berhampiran dengan Selat Melaka dan perairan Indonesia. Mereka juga sentiasa berjumpa bot-bot peronda Indonesia yang nombor bot mereka BC 5003 dan BC 3002 dan mereka sentiasa diperas ugut oleh mereka, tambahan pula di kawasan jauh itu mereka terpaksa lebih membelanjakan minyak disel yang mahal itu.

Saya ingin menggesa Yang Berhormat Menteri Pertanian supaya memastikan nelayan-nelayan pukot tunda tidak bertindak secara *bona fide* dengan menukarkan kepada penangkapan ikan dengan cara pukot tunda sejajar dengan rayuan Kerajaan dalam tahun enam puluhan tidaklah diabaikan oleh Kerajaan. Sekiranya Kerajaan mahukan nelayan-nelayan pukot tunda menjalankan kegiatan-kegiatan yang lebih "capital-intensive" serta juga lebih "deeper sea fishing", maka Kerajaan hendaklah merangka satu skim untuk membantu nelayan-nelayan pukot tunda supaya mereka dapat menukar kepada tahap penangkapan ikan yang lebih besar. Di samping itu Kerajaan hendaklah memastikan nelayan-nelayan pukot tunda tidak menjadi mangsa lanun-lanun yang mana lanun-lanun tersebut sebenarnya Anggota Tentera Laut negara-negara jiran kita.

Adalah menjadi satu "paradox", Tuan Pengerusi, bahawa sementara Dasar Ekonomi Baru dilancarkan

dengan begitu banyak "fanfare" untuk menghapuskan kemiskinan nelayan-nelayan di negara ini masih terus menjadi golongan yang termiskin sekali di negara yang tidak dapat lari genggamannya kemiskinan. Umpamanya MAJUIKAN merupakan satu kegagalan besar dalam memerangi kemiskinan di kalangan komuniti nelayan.

Kegiatan-kegiatan MAJUIKAN diselubungi dengan amalan-amalan curang, penyalahgunaan kedudukan politik oleh pegawai-pegawai politik tempatan dari partai-partai memerintah dan kegagalan berbagai-bagai skimnya untuk menambahkan pengeluaran ikan, produktiviti dan pendapatan para nelayan. Adalah lebih baik sekiranya Pengerusi MAJUIKAN yang kalau saya tak silap ialah Yang Berhormat dari Pasir Puteh menghabiskan lebih banyak masa untuk menentukan bahawa MAJUIKAN berjaya mengatasi kemiskinan para nelayan daripada menghabiskan begitu banyak masa dengan membuatkan ucapan-ucapan lampau di Parlimen ini.

Satu bidang di mana MAJUIKAN telah gagal dengan dahsyatnya ialah dalam bidang "commercial fish farming". Hasil penangkapan ikan merin di Malaysia dalam tahun 1982 adalah dianggarkan sebanyak 861,000 tan, sementara pengeluaran ikan tawar dianggarkan sebanyak 8,500 tan, tambahan sebanyak 1.2% berbanding dengan 8,400 tan dalam tahun 1981. Dalam tahun 1976 pengeluaran menerusi "aquaculture" merupakan 6% dari jumlah pengeluaran ikan di Malaysia. Jumlah ini kini telahpun menurun lagi. Peratus ini adalah satu peratus yang "insignificant" jika dibandingkan dengan negara-negara Asia yang lain, seperti China di mana jumlah pengeluaran ikan menerusi "aquaculture" adalah dianggarkan sebanyak 40%, India 38%, Indonesia 22% dan Filipina 20%. Saya

difahami MAJUIKAN telah mempunyai sebuah "fish farm commercial" yang utama di Puchong yang kini sudah sudahpun terbenkakai dan MAJUIKAN sebenarnya telah mengalih dari culture ikan air tawar sama sekali dan juga ada berlaku percanggahan tujuan (object) antara MAJUIKAN dan MARDI.

Aquaculture hendaklah diperluaskan untuk memainkan satu peranan yang lebih significant dalam bidang pengeluaran ikan di negara ini untuk bukan sahaja memastikan terdapat bekalan protein yang cukup bagi rakyat Malaysia tetapi juga dalam erti kata menambahkan pekerjaan dan pendapatan luar negeri (foreign exchange) yang boleh diperolehi dari aquaculture.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Pertanian menubuhkan sebuah Jabatan khas untuk menggalakkan aquaculture di negara ini untuk memastikan aquaculture merupakan satu bahagian yang significant dalam jumlah pengeluaran ikan setiap tahun. Terdapat lebih dari 40,000 hektar "water surface" yang sesuai untuk pembiakan ikan di Semenanjung Malaysia sahaja tetapi sumber itu hampir-hampir tidak diusahakan. Sebanyak 150,000 hektar "mangrove swamp" dan "mud flat" di Semenanjung Malaysia adalah sesuai untuk aquaculture coastal di sekitar pantai kita. Jabatan khas umpama itu yang bertujuan untuk menggalakkan aquaculture hendaklah mengatasi kerintangan-kerintangan yang utama yang menghalang kemajuan aquaculture secara besar-besaran seperti bekalan seeding yang cukup, kurangnya teknik-teknik dan sistem pengurusan yang standard, kekurangan baja, penyakit dan predators, pencemaran dan pesticides, kekurangan pengetahuan dan bidang pembinaan dan kejuruteraan kolam, kekurangan kakitangan teknik dan kawalan mutu ke atas produk-produk

(quality control of aquaculture products), kredit dan pasaran. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

*3.58 ptg.*

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di dalam P. 20, Butiran 17—Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya bukan hendak mempertahankan apa yang disebutkan oleh Ketua Pembangkang tetapi kewajipan Ketua Pembangkang hanyalah bersuara di dalam Dewan ini, lebih-lebih lagi beliau ini takut kepada saya menumpu lebih banyak kepada Parlimen ini untuk membalas kepada ucapan yang diberinya sebentar tadi. Sebenarnya Lembaga Kemajuan Ikan telah menumpu perhatian lebih daripada apa yang diperhati oleh Ketua Pembangkang sendiri kerana Ketua Pembangkang ini memang tidak tahu apa yang orang lain buat tetapi dia tahu cakap dalam Parlimen yang tidak memberi faedah sedikit sebanyak kepada apa yang di.....

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order!

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, atas point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** 35 (7) yang mengatakan bahawa "Seorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalam faedah kewangan (pecuniary interest) yang tepat bagi dirinya (selain daripada perkara-perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan), jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu".

Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada "pecuniary interest" oleh kerana beliau adalah Pengerusi MAJUIKAN dan tidak boleh cakap selain daripada beritahu Dewan ini berapa gaji dia dapat, berapa elaun dia nikmati, barulah dia mahu isytiharkan "pecuniary" interest dia dahulu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat adalah tidak pecuniary interest sendiri?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Pengerusi, ini adalah tafsiran yang dibuat oleh Ketua Pembangkang. Di dalam MAJUIKAN saya bukan berniaga, saya bukan ada interest apa-apa tetapi saya sebagai Pengerusi sebagaimana Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab untuk menjalankan satu badan. Kalau Menteri menjawab sesuatu perkara, adakah dia mesti memberitahu gaji, adakah dia memberitahu berapa dia dapat? Dengan sebab ini, Tuan Pengerusi, saya tidak hendak menerangkan apa yang akan dibuat oleh MAJUIKAN tetapi saya hendak....

**Tuan Lim Kit Siang:** (Bangun).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.....

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Saya tidak benarkan, Tuan Pengerusi.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Perlantikan yang dibuat oleh menteri khususnya perlantikan Pengerusi MAJUIKAN adalah mengikut undang-undang yang tentu sekali adalah perlantikan mengikut undang-undang (statutory appointment) dan tidak ada interest untuk dirinya sendiri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya sedar. Saya tidak cakap appointment itu langgar undang-undang tetapi mengikut peraturan kita sesiapa yang ada

"pecuniary interest" selain daripada yang ada termaktub dalam Perlembagaan ialah Menteri-menteri yang lain mesti mengisytiharkan pecuniary interest dia. Sungguhpun dia sebagai Pengerusi ada gaji, ada elaun, itulah "pecuniary interest", bukan berniaga atau apa-apa. Dia ada "pecuniary interest", dia mesti mengisytiharkan apa-apa elaun, berapa elaun, berapa gaji.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Untuk penjelasan, "pecuniary interest" ini memang termaklum oleh kerana ini ada termaktub di dalam estimate-estimate budget Lembaga Kemajuan Ikan itu sendiri yang juga dibentangkan di dalam Parlimen ini mengikut Laporan-laporan Tahunannya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, atas penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya berpendapat bahawa Yang Berhormat dari Pasir Puteh memegang jawatan itu sebagai Pengerusi sahaja dan saya percaya tidak ada "pecuniary interest" yang sebenarnya. Oleh kerana itu saya menjemput Yang Berhormat dari Pasir Puteh untuk menyambung ucapannya.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Pengerusi, jadi kita tidak hendaklah dengar tafsiran yang tidak faham seperti itu kerana selalunya dia hendak gagalkan ucapan saya seperti ini. Dia tidak mahu dengar bahawa apa yang dilakukan oleh Lembaga Kemajuan Ikan sekarang akan diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri jika sekiranya wakil dari Kota Melaka hendak mengetahuinya tetapi dia tidak menyebutkan apa yang dia hendak tahu, cuma hanya mencari aquaculture macam ini, ini gagal, nelayan tidak dapat, nelayan miskin. Apa yang Pembangkang dapat buat? Tetapi inilah yang dikatakan oleh

perumpamaan bahawa “Beberapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul”. Kalau sekiranya DAP hendak mengetahui segala-galanya dipersilakan ke pejabat saya untuk menerangkan apa yang hendak dibuat oleh Lembaga Kemajuan Ikan pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, sebenarnya kegagalan nelayan bukan disebabkan kegagalan apa yang dibuat oleh Kerajaan. Tetapi adalah disebabkan oleh campurtangan DAP yang begitu banyak terutama di sebelah Pantai-pantai Barat, yang selalunya hendak menimbulkan masalah pertandingan, masalah perebutan dan masalah yang kecil-kecil yang ditimbulkan yang telah pun diselesaikan oleh pihak Kementerian dan pihak Jabatan tertentu tetapi masih ditimbulkan di dalam Parlimen ini yang hanya perkara itu adalah perkara yang kecil dan pergolakan dalam cawan kopi yang tidak perlu dibawa kepada Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, sebaliknya saya lebih suka menumpukan ucapan saya di dalam Dewan ini kepada perkara-perkara lain yang saya fikir boleh memberi faedah daripada menjawab apa yang dikatakan oleh DAP. DAP ini hanya untuk menyalak sahaja.

Tuan Pengerusi, saya menumpu kepada Maksud Pembangunan P. 20 iaitu Butiran 6—Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu. Dengan peruntukan pembangunan yang diberi sebanyak \$3,466,194 di bawah Kementerian Pertanian bagi kemajuan secara langsung kepada Lembaga Kemajuan Kemubu ini patut diberi perhatian dan ditambah sebab dengan keadaan yang ada sekarang, dengan keadaan keluasan yang ada di kawasan Kemubu yang selama ini tidak digunakan iaitu banyak tanah-tanah terbiar selama ini tetapi dengan usaha-usaha yang berjalan sekarang bahawa tanah-tanah itu akan diusahakan dan digunakan semula dan juga cadangan

pihak Kementerian, sekiranya ada cadangan; kerana di dalam kawasan Kemubu yang ada sekarang kawasannya tidak begitu luas. Didapati perbezaan itu berbeza di antara mereka yang di dalam kawasan KADA, yang di luar KADA pendapatannya begitu berbeza dan tumpuan perhatiannya begitu lebih kepada petani-petani dalam KADA. Jadi dengan keadaan begitu saya meminta supaya Kementerian memperluaskan kawasan KADA ini supaya meliputi kepada semua kawasan-kawasan yang ada yang berhampiran di kawasan KADA supaya KADA akan meliputi sebahagian besar daripada petani-petani di negeri Kelantan. Ini termasuklah kawasan Kemasin, kawasan-kawasan Sungai Yong dan beberapa kawasan yang berhampiran dengan kawasan Kemubu ini yang tanaman padinya tidak begitu menggalakkan dan hasil yang tidak begitu tinggi dan kebanyakan mereka ini hanya menanam sekali setahun. Jadi jika sekiranya kawasan ini diperluaskan dan diberi peruntukan yang lebih untuk tahun hadapan kemungkinan petani dan taraf hidup petani di Kelantan akan bertambah.

Dengan ini kita berharap bahawa Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu ini akan diberi perhatian yang lebih supaya kemiskinan yang dirasakan oleh petani sekarang akan dapat dihapuskan atau akan dapat diberi kebaikan yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Petaling.

*4.08 ptg.*

**Tuan Yeoh Poh San (Petaling):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh muka surat 167, Maksud Bekalan B. 20, Butiran 1100, Aktiviti (3) (a) berkenaan dengan Perikanan.

Tuan Pengerusi, peruntukan tahun 1983 bagi Perikanan telah dikurangkan ke angka yang tidak berpatutan dan mungkin tidak mencukupi untuk perlaksanaan. Saya berpendapat peruntukan ini tidak dapat membantu industri perikanan dan akibatnya kaum nelayan dan pengguna akan menderita. Ikan adalah satu bahan makanan yang perlu dan mengandungi protin yang dahulunya boleh didapati dengan harga yang murah tetapi hari ini ikan adalah satu kemewahan. Ini adalah disebabkan kerana cara pemasaran yang salah dan merugikan kaum nelayan serta pengguna. Sebagai contohnya, Tuan Pengerusi, bagi udang Gred I ataupun Kelas I yang dijual oleh nelayan kepada pemborong dengan harga \$10 sekilo akan dijual kepada pengguna dengan harga sekurang-kurangnya \$25 sekilo oleh penjual ikan.

Tuan Pengerusi, keuntungan yang banyak ini bukan bererti kurang pengeluaran. Hasil tangkapan makanan laut seperti ikan, udang dan sebagainya dalam tahun 1980 berjumlah 623,898 tan kalau dibandingkan dengan jumlah tangkapan bagi tahun 1976 sebanyak 410,969 tan. Tuan Pengerusi, jumlah tangkapan bagi tahun 1983 dijangka meningkat ke lebih kurang 908,700 tan. Jadi, Tuan Pengerusi, ini menunjukkan bahawa tangkapan ikan dan udang telah meningkat pada masa ini.

Kerajaan sudah sepatutnya mengadakan satu sistem pemasaran yang lengkap untuk industri perikanan supaya kaum nelayan tidak dijadikan alat, victim dan pengguna tidak dikenakan membayar harga yang tinggi. Sistem ini satu comprehensive market sistem. Di samping itu Kerajaan patut mengadakan bantuan keuntungan bagi kaum nelayan di musim hujan atau di musim cuaca

buruk bila kaum nelayan tidak dapat ke laut untuk menangkap ikan satu profit relief allowance.

Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh Maksud Bekalan 20, muka 170, Butiran 3300 Perabut dan Lengkapan, Alat Kelengkapan dan Ternakan, Aktiviti 2 (c) Haiwan. Ternakan merupakan satu lagi bahagian pertanian yang amat penting.

Saya ingin memberikan pujian kepada Kerajaan kerana telah memberi peruntukan yang lebih kepada sektor ini dalam tahun 1983. Saya harap peruntukan ini akan digunakan dengan baik supaya dapat memberi faedah kepada sektor ini dan juga kepada negara. Kita sepatutnya berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk melengkapkan diri (self-sufficient) dengan ayam, itek, daging, telur, susu dan sebagainya. Banyak kemajuan yang telah dicapai dalam industri ternakan walaupun ada beberapa kegagalan seperti beberapa projek yang diusahakan oleh Majuternak. Salah satu cara mencapai self-sufficiency ialah:

- (1) Kerajaan patut menggalakkan lebih banyak lagi pertanian kecil untuk menternak lembu, kerbau, kambing dan juga babi bagi petani-petani yang bukan Islam;
- (2) Kerajaan patut mencipta dan menggunakan sepenuhnya agrobased wastes seperti batang padi, sabut kelapa, antah padi, sabut kelapa sawit, kulit tebu dan sebagainya untuk menjadi (synthesisation) makanan ternakan bagi industri ternakan ini;
- (3) Kerajaan patut juga mengadakan satu rancangan yang tepat dan cekap (package programme) yang meliputi import seperti membekalkan ternakan kacukan yang

bermutu, perkhidmatan artificial insemination; pinjaman bank, membekalkan makanan ternakan pekat (concentrate feed), perlindungan insuran, membekalkan benih dan bahan stock untuk makanan ternakan, kemudahan pasaran dan juga perkhidmatan nasihat teknik. Hanya dengan penyelarasan yang sistematik dan lengkap sahaja maka satu industri ternakan yang sihat dapat dicapai.

Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh Maksud Bekalan 20, muka 167 Butiran 1100, Aktiviti 2 (a) dan 2 (c) berkenaan dengan Pertanian dan Haiwan.

Kerajaan patut juga melihat dengan serius dalam soal import gantian di samping mengimport beras untuk mencukupi kegunaan kita. Negara kita juga banyak mengimport barang makanan dan hasil bumi setiap tahun. Negara kita mengimport jagung, stok makanan ternakan untuk industri ternakan, bawang dan cili kering berjumlah berjuta-juta ringgit setiap tahun. Untuk menentukan pengeluaran tempatan yang mencukupi bagi bahan makanan serupa ini, kemudahan dalam penyelidikan dan pertanian patutlah diberi keutamaan supaya dapat mengganti kerugian negara yang bergantung kepada import sementara mengurangkan pertukaran asing.

Keutamaan juga patutlah diberi bagi penyelidikan dan penanaman biji-bijian kasar seperti jagung, sekoi, kacang tanah, kacang soya, ubi kayu, kentang dan sebagainya. Perhatian juga patut ditumpukan ke atas pengeluaran bahan-bahan rempah seperti cili, bawang, lada hitam dan sayur-sayuran yang mana negara sedang mengimport bahan-bahan ini dengan banyak.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud Pembangunan P. 20, muka 172, Butiran 10 berkenaan dengan Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu dan juga kepada Butiran 25 berkenaan dengan Kemudahan-kemudahan Pengeluaran Tanaman dan Butiran 26 (i) Kemudahan-kemudahan Keselamatan Tanaman.

Tuan Pengerusi, dalam usaha-usaha menghapuskan kemiskinan di negara ini, Kerajaan mestilah menentukan bahawa setiap rakyat boleh meninggikan lagi pendapatan mereka melalui rancangan-rancangan Kerajaan. Adalah menjadi satu kenyataan bahawa kemiskinan yang menghinakan sedang berlaku di kalangan pekebun kecil dalam sektor pertanian. Pekebun-pekebun kecil getah, padi, kelapa dan buah-buahan telah menderita di masa kemelesetan ekonomi yang dihadapi pada masa ini. Pendapatan yang rendah ini adalah disebabkan oleh:

- (1) luas kebun yang tidak mencukupi;
- (2) kurang kemahiran dan pengetahuan;
- (3) kurang penghargaan dan pertukaran teknologi;
- (4) penggunaan alat dan cara tradisi yang lama;
- (5) salahguna baja dan bahan kimia;
- (6) kurang pakar dalam menyimpan, memproses dan memasarkan pengeluaran.

Saya sedar Kerajaan sedang berusaha untuk memperbaiki keadaan buruk ini dan saya meminta Kerajaan supaya menentukan bahawa setiap pekebun kecil termasuk pekebun kecil Cina di sekitar kampung baru akan juga mendapat faedah daripada skim yang dilancarkan oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, setiap usaha hendaklah diberi untuk menambah pengeluaran, misalnya, melalui Lembaga Pertubuhan Peladang dengan bersungguh-sungguh menggunakan tanah ladang, alat jentera untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan industri pertanian.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bagan Datok.

4.17 ptg.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam membahaskan di bawah peruntukan Maksud Bekalan 20 Kementerian Pertanian iaitu muka surat 174, P. 20 di bawah para 30 iaitu Rancangan Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian walaupun selalu kita mendengar bahawa pekebun-pekebun kecil khasnya kelapa, dalam pandangan Kementerian bahawa masa depan kelapa adalah gelap tetapi di dalam Maksud Program ini ada diperuntukan sebanyak \$82,140,779.

Tuan Pengerusi, apabila saya bercakap berkenaan dengan kelapa, bukan sahaja saya menyuarakan tentang pekebun-pekebun kecil kelapa, khasnya di dalam kawasan saya di Bagan Datok, tetapi perusahaan kelapa ini menyeluruh kepada negeri Perak, negeri Selangor, negeri Johor, Negeri Sabah dan juga Sarawak.

Oleh kerana industri kelapa merupakan satu industri yang boleh dikatakan tradisi khususnya kepada bumiputera Melayu dan juga sekarang ini disertai oleh bukan bumiputera terdiri daripada orang-orang Cina dan India juga serta ladang-ladang yang besar juga ada berkenaan dengan perusahaan kelapa, maka saya kira ataupun saya berpendapat sesuai

benarlah program ataupun peruntukan yang dirancang oleh Kementerian Pertanian seperti yang saya sebutkan tadi.

Tetapi saya sukalah menerangkan atau menekankan di sini di dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara kita boleh dikatakan seluruh pekebun-pekebun kecil samada padi, getah dan khasnya kelapa termasuk koko adalah menerima nasib yang malang di dalam negara kita ini. Walau bagaimanapun, kita tidak harus berhenti daripada menjalankan usaha untuk mencari jalan bagi meninggikan harga-harga kelapa, koko dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, menyentuh mengenai kelapa, yang saya dapati pada masa yang telah sudah bahawa Kementerian Pertanian telah menjalankan berbagai-bagai usaha untuk menambah pengeluaran dan juga pendapatan pekebun-pekebun kecil kelapa. Tetapi apa yang belum pernah dilakukan ialah mengenai mempelbagaikan perusahaan kelapa ini. Oleh kerana kita tahu bahawa kalau getah hanya boleh digunakan semata-mata bagi satu perkara sahaja iaitu susu getah ataupun batangnya sahaja boleh dibuatkan kayu api, tetapi kelapa sukalah saya terangkan iaitu daripada:

- (1) isi kelapa boleh kita jadikan santan ataupun minyak kelapa ataupun minyak makan dan sebagainya;
- (2) daun kelapa boleh dibuat ketupat;
- (3) batang kelapa boleh kita jadikan perabot ataupun jambatan dan sebagainya;
- (4) sabut kelapa boleh kita jadikan permaidani (carpet);
- (5) tempurung kelapa boleh dijadikan senduk, butang baju dan sebagainya;
- (6) air kelapa. Air kelapa ini adalah satu kegemaran terutama sekali bagi pelancong daripada luar

negeri yang mana kalau mereka datang ataupun kita sendiripun di Kuala Lumpur ini apabila panas teringin hendak minum air kelapa, sebiji kelapa hampir \$1.50 sen, Tuan Pengerusi. Tetapi air kelapa ini tidak pernah dibotolkan. Tidak pernah diadakan ujian yang moden untuk dibotolkan sama ada dijual di dalam negeri ataupun keluar negeri.

- (7) lidi kelapa. Ini sangat penting, boleh dibuat penyapu segala apa yang kotor. Orang Perak kata dibuat lekapun boleh. Kemudian kalau lidi kelapa ini tidak ada, satay pun tidak boleh makan. Satay ini adalah merupakan kegemaran pelancung-pelancung bahkan kita sendiri. "Satay Ria" menggunakan lidi. Ertinya kalau kelapa ini tidak ada, lidi tidak ada, satay pun tidak ada.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri Pertanian, begitu banyak sekali kegunaan kelapa ini boleh dipelbagaikan sesuai dengan pandang ke Timur. Negara Jepun adalah terkenal sebagai sebuah negara yang begitu banyak mengusahakan segala bahan-bahan yang ada untuk dipelbagaikan. Apakah tidak boleh Kementerian Pertanian mencari satu jalan supaya apa yang saya sebutkan tadi dapat dipelbagaikan perusahaan kelapa ini kepada seluruh negara kita.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh berkenaan dengan muka surat 170 iaitu B. 20 di bawah Butiran 4100 berkenaan agensi-agensi sama ada MARDI, FAMA dan juga LPP yang ada di sini. Memanglah MARDI, FAMA dan LPP memainkan peranan untuk kepentingan kelapa dan koko, Tuan Pengerusi. Tetapi di kawasan saya sendiri ada kawasan MARDI dan ada juga Jabatan Pertanian. Saya dapati mereka sedang menyelidik,

mengkaji dan sebagainya terutama sekali memperkenalkan berkenaan dengan kelapa mawar. Setahu saya kelapa mawar ini setelah dikaji dengan mendalam tidak mendatangkan hasil yang baik kerana buahnya kecil dan isinya juga kecil.

Jadi, saya minta kepada Kementerian Pertanian dan juga agensi seperti MARDI ataupun Jabatan Pertanian betul-betul memberi gambaran kepada penduduk-penduduk di luar bandar ataupun pekebun-pekebun kecil kelapa ini supaya tidak dipersalahkan nanti apabila ditanam pula kelapa mawar lima atau sepuluh tahun yang akan datang kelapa mawar ini tidak memberikan hasil yang memuaskan kepada pekebun-pekebun kecil.

Selain daripada itu, saya sukalah menyentuh berkenaan dengan koko. Oleh kerana koko masa depannya seperti yang diterangkan oleh Menteri Pertanian adalah merupakan tanaman yang berpotensi ataupun memberi harapan yang baik sama ada dari segi harga ataupun dari segi pemasaran dan sebagainya. Saya di dalam ucapan saya semasa membahaskan belanjawan tempoh hari telah mencadangkan supaya satu Lembaga Koko ditubuhkan. Ini adalah kerana seperti yang diberitahu kepada saya oleh MARDI bahawa masa depan koko ini agak baik iaitu hampir 1.5 juta hektar tanah adalah sesuai untuk tanaman koko. Seperti yang kita tahu negara kita Malaysia waktu mula-mula kita hendak menjalankan rancangan pertanian kelapa sawit kita dapati berbagai-bagai anggapan daripada rakyat menyatakan kelapa sawit ini tidak begitu memberi jaminan kepada penanam-penanamnya tetapi apabila kelapa sawit benar-benar dilancarkan dan diperkenalkan ke seluruh negara kita dan juga Kementerian Pertanian telah mengambil bahagian yang begitu aktif sehingga kita menanam kelapa sawit sama ada di FELDA dan

sebagainya maka negara kita telah menjadi pengeluar kelapa sawit yang utama di dalam dunia.

Jadi saya kira kalau koko pun benar-benar Kementerian Pertanian menjalankan satu usaha seperti yang saya katakan tadi mengadakan Lembaga Koko dan juga menjalankan rancangan bersepadu untuk keseluruhan negara kita bagi rancangan-rancangan pekebun-pekebun kecil untuk koko dan kelapa ini oleh kerana koko dan kelapa sekali dijalankan bagi kawasan-kawasan yang sesuai dengannya, saya rasa masa depan tanaman koko dan kelapa ini akan memberi kesan kepada rakyat yang golongan terbesarnya adalah daripada orang-orang kampung kita yang mendokong oleh Kerajaan kita. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

4.28 ptg.

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I refer to development allocation Maksud Pembangunan P. 20, Butiran 40, muka 175.

Tuan Pengerusi, allocation for agricultural research for Sarawak for 1983 is a token \$10/- only. I view this situation with very grave concern. Is it because we have found all the answers to our agricultural problems so that there is no more answer to be found, or is it because it is not important anymore that we have only allocated \$10/- to this important aspect of agriculture?

Tuan Pengerusi, two-third of the people of Sarawak are engaged in agriculture which, in sharp contrast, is only responsible for 28% of the G.D.P. (Gross Domestic Product) of Sarawak. So, while agriculture ought to be the mainstay of Sarawak's economic base, it has actually become a burden to the economy of Sarawak.

This is a dangerous situation that needs to be rectified. As far as I know many of the problems facing the agricultural sector in Sarawak are still unidentified and, if identified, research and feasibility studies are still yet to be stepped up in order to overhaul the agricultural system of production in Sarawak. Low productivity is one of the major causes of agricultural failure in that big State. Researchers therefore must be intensified into the problems of soil erosion aggravated by fast disappearing surface vegetation brought about by timber extraction. The fertiliser technology is still very under-developed and such other techniques as double or triple cropping, hybridisation to increase yield in padi and other crops are all urgent areas for intensified research.

For example, have we asked ourselves this question: whether we can produce a strain of rice padi that will increase our padi yield many times over in terms of quality and quantity? That is a question for our agricultural scientists. Perhaps the dream of all Malaysians is that one day our Malaysian scientists can produce a high breed of rice that will become our own Malaysian version of the "miracle rice" that was found in the Philippines and this Malaysian miracle rice can be suited to our local conditions.

Research is also very much needed to protect our crops from pests and plant disease. We are still heavily reliant on foreign technology in pest control requiring expensive pesticides. Perhaps it is time for us to open up a centre for tropical pest control research that will make Malaysia the vanguard of tropical agriculture research and so is the case with plant disease such as the pepper footrot disease. We have identified the causative agent, the cause of the disease, and now we must cause studies to be conducted so as to ensure

that this harmful effect of the footrot disease may be brought to a minimum so as to improve yield in pepper.

Tuan Pengerusi, Malaysia is one of the largest producers of pepper in the world and 98% of Malaysian pepper is produced in the State of Sarawak, but pepper footrot has caused untold losses to pepper farmers and infected pepper yards which will remain infected for any years. Therefore it is time the Government tackled this problem with resolve and foresight so as to develop the pepper industry in Sarawak.

Tuan Pengerusi, in the current session of the Sarawak Dewan Undangan Negeri, the State Minister of Agriculture and Community Development revealed during question time on the 10th November 1982 that his Ministry had not made any in depth study into the problems of low productivity in agriculture. I am utterly shocked and disgusted and now the Federal allocation for research for Sarawak for next year is only \$10/-. As agriculture is the lifeline of hundreds of thousands of Malaysians in Sarawak which is essentially a rural agricultural economy, I cannot leave this aspect of Government negligence pass unchallenged.

Tuan Pengerusi, I also urge the Government to instigate and plan State-wide soil research in order to identify large areas for major crop planting projects and in so far as bringing the results of the laboratory to the farmers is concerned, in so far as bringing the results of research to the people engaged in agricultural activity, the Government should also assess the performance of a national agricultural extension scheme. You will notice that \$11,168,000 has been allocated for this purpose under Butiran 43 and a special committee therefore should be set up to monitor the achievement or failure of the scheme so as to make appropriate adjustments in order to

reap maximum economic returns so that the farmers in Sarawak, in fact the whole nation, may learn from the achievement of our laboratories.

Tuan Pengerusi, under Butiran 157, 158, 161 and 162, on page 181, a total of \$21,150,520 has been allocated for drainage and irrigation purposes. I find this grossly inadequate for a State with the size and potential of Sarawak. The problem of agriculture in Sarawak is also one of identifying suitable land for farming. Large tracks of flat land for wet padi for instance are usually swampy because of heavy rainfall. Therefore it is crucial for the State to have drainage and irrigation schemes spread throughout the State. Right now most of the drainage and irrigation projects are concentrated at some areas such as Nonok and Matu Daro only. I personally would like to see more allocation under this sub-head for Sarawak.

Fishery is another area where I feel Sarawak has been neglected. Under Butiran 235-242, page 185 most of the items get only \$10/- token allocation including important areas such as fishing unit for trial and demonstration, development of fish landing and marketing facilities, survey of fishing resources, etc.

Tuan Pengerusi, Sarawak has a long coastline and many large rivers. In a State with very low protein output fish can be a staple source of meat protein to the under-nourished people of rural Sarawak. There is need for the Government assistance in a survey of fishing resources, for upgrading facilities, for the storage and marketing of fishing harvest and even a cooperative system to enable fishermen to sell their harvest directly to the consumers both in the local market and overseas. Studies can be undertaken to minimise fishing techniques that destroy young unmaturing fish in the seas.

Tuan Pengerusi, in Sarawak, many nets for instance drag up the eggs lying at the bottom of the sea whenever a catch is holding in the net. This is terribly destructive.

Research and Federal assistance in fresh water fishery can also go a long way towards supplementing the inland rural folks with protein food. As of now it is still very undeveloped. Furthermore, there is need for actions to be taken to cut down water pollution in the major rivers of Sarawak caused by cutting down of trees in the timber industry. Nothing is more destructive for marine life than industrial pollution. Sarawak is essentially a marine State and I hate to see her soul tarnished and dirtied by the greed of a few tycoons for quick profits.

Tuan Pengerusi, many agricultural agencies have been set-up in Semenanjung Malaysia such as MARDI, FAMA, MADA, MAJUTERNAK, MAJUIKAN, LPP, etc. playing quite significant roles in developing agricultural economy here, but in Sarawak these agencies are hardly heard of although some, I believe, are in existence. The State agencies responsible for agricultural development are very much limited by their lack of funds and resources. Surely participation is expected from Federal agencies in order to upgrade the standard of living of the Sarawak farmers as well as diversifying the economy of Sarawak as well as increasing food production in the State.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Parit Buntar.

4.35 ptg.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman (Parit Buntar):** Tuan Pengerusi, mengenai peruntukan Kementerian Pertanian, saya ingin menyentuh beberapa perkara. Dalam salah satu

strategi Belanjawan Kementerian iaitu Pembangunan Perikanan, saya sangat bersetuju dan menyokong penuh perkara ini khasnya program-program Menternak Ikan Air Tawar, Air Payau dan Pembangunan Perikanan Kawasan iaitu Exclusive Economic Zone (EEZ) yang begitu banyak potensi.

Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah di atas usaha Kerajaan untuk menjaga kepentingan kaum nelayan. Bagi Maksud P. 20, muka 184 dan 185 Butiran (Projek) 221 hingga 228. Nampaknya perkara ini memang diberi perhatian oleh Kerajaan dengan bertambahnya peruntukan sebanyak \$6,127,670.

Dalam pada itu, saya berpendapat dari segi pelaksanaan haruslah strategi sekarang bukan sahaja memberatkan kepada penguatkuasaan tetapi Kementerian melalui Jabatan Perikanan hendaklah mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan lagi.

Yang pertama, hendaklah mempergiatkan lagi usaha-usaha bagaimana hendak membiak dan memperbanyakkan hasil perikanan tanpa menyekat tangkapan ikan secara moden yang memang pun digalakkan oleh Kementerian sendiri. Rasanya adalah kurang sesuai jika Kementerian menyekat pengeluaran lesen ataupun tidak membaharui lesen, kerana tidaklah 100% anak-anak nelayan yang dapat melepaskan diri mereka daripada sektor perikanan. Oleh itu langkah-langkah segera haruslah diambil oleh Kementerian untuk menambahkan lagi hasil-hasil laut melalui penyelidikan yang bersungguh-sungguh dan bukan penyelidikan yang bercorak ingin tahu sahaja.

Yang kedua, dalam projek-projek itu jelas kita lihat program ikan air tawar yang dijalankan kebanyakannya ikan dari jenis ikan

lombong, ikan kolam atau ikan dari sungai-sungai besar sahaja. Dalam hal ini saya pernah keciwa apabila saya pergi meminta nasihat berkenaan dengan ikan sawah atau ikan bendang atau ikan parit-parit kecil seperti ikan keli, ikan haruan, ikan puyu dan ikan sepat. Pihak yang berkenaan tidak dapat berbuat sesuatu pada hal ikan-ikan jenis ini memang menjadi salah satu sumber utama pesawah-pesawah seperti di kawasan jelapang padi Tanjong Karang, Kedah, Kota Bharu, Seberang Prai, Kerian dan kawasan-kawasan padi yang lain. Saya harap Kementerian menyedari perkara ini dan menyelidikan serta khidmat nasihat di bidang ini hendaklah dilaksanakan dengan segera supaya pesawah-pesawah juga dapat menambahkan lagi pendapatan sampingan mereka di bidang ini khasnya bagi pesawah-pesawah yang kawasan mereka sekarang ini di peringkat pelaksanaan projek-projek bersepadu.

Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B. 20, muka 167, Butiran 1100, Aktiviti (3) Sumber-sumber Alam.

Mengenai perkara itu, kita mengucapkan tahniah kerana ramai pegawai dan kakitangan yang bekerja dengan penuh rasa tanggungjawab dan ini sesuai, selaras dengan cogan kata: bersih, cekap dan amanah yang sedang dipraktik atau diamalkan oleh pentadbiran sekarang. Tetapi dalam hal ini, masih terdapat beberapa perkara yang kadang-kadang menyusahkan nelayan, di antaranya:

Pertama, ada nelayan-nelayan secara lazimnya telah mengikut peraturan untuk menukar kulit bot lama mereka ke bot baru. Mereka telah diperiksa tanpa apa-apa teguran dari pegawai yang berlainan dan bot lama mereka pula telah gimusnahkan, tetapi apabila nelayan-nelayan menerima jawapan daripada pihak

yang berkenaan sungguh mendukacitakan kerana permohonan mereka tidak diluluskan.

Keduanya, ada juga nelayan yang ingin tukar kepada bot baru kerana bot lama mereka sudah usang dan bocor tetapi permohonan untuk menukar kulit atau bot baru ini juga tidak diluluskan.

Ketiga, ada pula permohonan mereka diluluskan tetapi tidak seperti lesen lama. Kalau yang lama, satu lesen itu dibenarkan beberapa jenis pukut atau tangkapan tetapi kelulusan yang baru ini pihak yang berkenaan tidak meluluskan berapa jenis tangkapan tetapi meluluskannya dengan beberapa tangkapan sahaja ataupun satu jenis tangkapan sahaja.

Dari ketiga-tiga keadaan yang saya sebutkan itu tadi, saya dapati berbagai-bagai kesulitan terpaksa dihadapi oleh nelayan, di antaranya mereka menjadi serba salah apabila bot-bot mereka telah buruk sama ada patutkah mereka menukar bot baru dengan menghadapi risiko tidak mendapat kelulusan atau pergi ke laut dengan bot yang buruk, menghadapi kemungkinan ombak yang besar.

Adakah Kementerian perlu menyekat yang telah pun lama dikeluarkan kepada mereka. Selepas itu mengakibatkan alat-alat tangkapan tidak boleh digunakan. Kementerian mungkin menjawab, ada nelayan-nelayan yang melanggar syarat-syarat.

Sukalah saya beritahu pihak yang berkenaan, mungkin ada terdapat nelayan-nelayan yang melanggar syarat tetapi perkara ini adalah dilakukan oleh beberapa orang nelayan sahaja. Janganlah dengan tindakan oleh beberapa orang nelayan yang kecil, majoriti nelayan yang lain menerima akibatnya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh Maksud P. 20 Butiran (Projek) 9 (i) dan (ii), muka 172.

Saya bersyukur kepada Allah dan bagi pihak petani-petani saya rasa Kerajaan memanglah terus memperuntukkan subsidi yang semakin bertambah dan terus memperuntukkan lagi subsidi pada tahun 1983 di mana Kerajaan peruntukkan sebanyak \$90 juta bagi subsidi baja dan secara token \$10 kepada subsidi pembajak sawah.

Di dalam perkara ini sistem pelaksanaan pemberian haruslah diperketatkan bahkan patut dimasukkan ke mana-mana undang-undang sekiranya petani-petani menyelewengkan pemberian subsidi itu. Tindakan undang-undang bolehlah diambil ke atas mereka. Dalam keadaan sekarang penyelewengan terbuka luas. Ada petani-petani yang memberi alasan tanah mereka sudah begitu subur, baja tidak perlu lagi dan subsidi baja itu bolehlah dijual kepada orang lain. Dengan adanya ikatan undang-undang, tindakan tegas boleh diambil terhadap petani-petani yang menyelewengkan pemberian subsidi baja ini. Saya berpendapat sistem gotong-royong ataupun berderau yang diselenggarakan oleh Jabatan Pertanian sendiri bolehlah juga mengelakkan penyelewengan kerana sistem 2L boleh memainkan peranan yang penting di dalam bidang ini.

Tuan Pengerusi, P. 20, Butiran (Projek) 10, muka 172 iaitu Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (PPPB) berjumlah \$176,815,330 adalah merupakan jumlah yang besar dan lebih tiga kali ganda daripada tahun 1982.

Saya faham tujuan peruntukan ini tidak lain dan tidak bukan ialah untuk meningkatkan pendapatan petani-petani dari paras masa kini yang rendah kepada paras yang tidak baik di masa hadapan. Sebagai contoh Projek Pembangunan Kerian/Sungai Manek di negeri Perak, pendapatan paras masa kini ialah \$207 sebulan

sekeluarga dan diharapkan apabila siap kelak projek ini diharapkan pendapatan sekeluarga akan meningkat kepada \$289 sebulan. Inilah satu cara bagaimana Kerajaan Barisan Nasional mengkotakan apa yang dikatakannya.

Tuan Pengerusi, semasa pelaksanaan projek-projek ini sudah semestinyalah terdapat beberapa masalah dan kesulitan-kesulitan itu di antaranya ialah:

- (1) Keadaan sistem air yang tidak menentu disebabkan adanya saluran yang ditutup sementara.
- (2) Adanya kawasan yang terlalu dalam kerana sistem saluran keluar tersekat.
- (3) Adanya hujan turun, ini mengakibatkan mudah berlaku banjir.

Dengan adanya keadaan ini, musuh-musuh tanaman yang lain mudah menyerang tanaman padi.

Tuan Pengerusi, saya bersimpati dengan halangan-halangan yang dihadapi oleh Kerajaan tetapi masa pelaksanaan projek ini siap agak lama juga, iaitu sekurang-kurangnya 5 tahun. Bagi kontraktor projek dan pegawai yang melaksanakan projek tidaklah membebankan kerana cukup bulan mereka dapat gaji, tetapi bagi petani-petani kalau tanpa halangan ini mereka dapat juga \$207 sebulan, tetapi dengan keadaan sekarang, satu ekar sawah ada yang dapat hanya tiga guni padi atau lebihkurang \$120 setahun atau \$10 sebulan, atau 30 sen sehari. Jadi, saya berharap Kementerian hendaklah memandang berat masalah ini khasnya di kawasan-kawasan di peringkat projek dalam pelaksanaan. Ini terbukti dan bukan perkara ini diada-adakan sahaja.

Seperti dalam ucapan saya semasa perbincangan Belanjawan, petani-petani di Kerian sehingga Jun, 1982 kerugian ditaksirkan lebih dari \$8.6 juta.

Bantuan segera hendaklah diberikan oleh Kementerian untuk membolehkan petani-petani terus menjalankan pertanian mereka. Jika bantuan segera diberi, saya yakin matlamat pengeluaran beras Malaysia berjumlah 1,379,560 tan metrik akan dapat dicapai.

Tuan Pengerusi, Butiran (Projek) 32, P. 20, muka 174 iaitu Perkhidmatan Kejenteraan Ladang (Farm Mechanisation Services) yang mana peruntukannya dikurangkan sebanyak \$113,000 pada tahun 1983, iaitu dari \$1,613,000 dalam tahun 1982 kepada \$1,500,000 bagi tahun 1983.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu sama ada Kementerian sedar atau tidak iaitu keseluruhan pesawah-pesawah padi kerugian lebih \$7 juta setahun. Kerugian ini adalah berdasarkan satu kajian tidak rasmi di mana sawah-sawah yang menggunakan jentera menuai tidak dapat menuai 100% biji-biji padi disebabkan masalah mesin-mesin itu tidak dapat memotong di bahagian bawah batang padi. Jadi, saya meminta Kementerian membuat penyelidikan dan mesin-mesin itu hendaklah diubahsuai dengan padi dan tanah di tempat-tempat yang tertentu semoga kita dapat memungut kerugian \$7 juta yang setiap tahun itu kerana \$7 juta itu bukanlah satu jumlah yang kecil.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan bagi Kementerian Pertanian berjumlah \$1,149,267,474.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Lumut.

4.50 ptg.

**Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut):** Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh tentang Maksud P. 20, Butiran 1100, Aktiviti 3 (a) Sumber-sumber Alam: (a) Perikanan.

Pada hemat saya pihak Jabatan Perikanan perlu mengubahsuai amalan dan dasarnya terhadap masa depan dan perkembangan perikanan, khususnya tangkapan ikan laut dalam.

Tuan Pengerusi, adalah menjadi satu hakikat bahawa perikanan laut dalam telah terbantut semenjak 10 tahun dahulu. Masa depan nelayan-nelayan laut dalam masih terapung-apung dan mungkin akan terus berada dalam kegelapan. Mereka hanya bergantung kepada nasib dan kepakaran yang ada pada diri mereka untuk menghasilkan hasil laut bagi pengguna-pengguna Malaysia. Apa yang memeranjatkan saya ialah nelayan-nelayan pada amnya terlalu kecewa tentang pentadbiran Jabatan Perikanan. Mereka menganggap setiap tindakan Jabatan Perikanan adalah semata-mata untuk menyekat dan memecahkan periuk nasi mereka. Perasaan kecewa mereka selalu disuarakan apabila saya selaku Pengerusi Biro Perikanan MCA Perak melawat kampung-kampung nelayan di negeri Perak.

Tuan Pengerusi, bagi kaum nelayan, iklan minuman keras yang berbunyi dengan izin, "Guinness Stout is good for you", ada makna dan ertinya yang tersendiri. Maka minum Guinness Stout sehingga mabuk untuk menghilangkan perasaan kecewa akibat tindakan pencegahan dan penguatkuasaan pihak Perikanan yang kurang menasabah. Pada tahun 1981 jadual denda dicipta untuk mencegah pencerobohan oleh pukut tunda tentang nelayan pantai. Tetapi jadual itu dikenakan pula tentang Pukat Tuas iaitu tangkapan laut dalam yang diusahakan oleh seramai 14 orang nelayan. Akibatnya sebuah bot nelayan Nombor PK 3563-F yang berpangkalan di Pulau Pangkor dikenakan denda sebanyak \$11,200. Perkiraannya ialah \$800 denda bagi setiap nelayan. Jadi, saya mencadangkan kepada Yang

Berhormat Menteri Pertanian supaya jadual denda itu diubahsuaikan kerana ternyatalah ianya tidak adil dan tidak sesuai dikenakan ke atas bot-bot tangkapan ikan laut dalam. Peristiwa itu telah memeranjatkan kaum nelayan Pulau Pangkor hingga mereka mendakwa Jabatan Perikanan mengancam mata pencarian mereka.

Tuan Pengerusi, jurang persefahaman di antara Jabatan Perikanan dengan kaum nelayan semakin bertambah meruncing sehinggakan Ibu Pejabat Perikanan dalam surat rasminya bertarikh 22hb Oktober, 1982 terhadap seorang nelayan Pulau Pangkor menggunakan perkataan "menipu Kerajaan"; sebahagiannya berbunyi, saya petik, dengan izin, Tuan Pengerusi: "Tuan dan 5 orang berkongsi itu yang memiliki bot tersebut dianggap telah menipu Kerajaan". Perenggan keenam pula berbunyi: Saya petik— "Lesen-lesen itu dimiliki secara menipu".

Tuan Pengerusi, pada hemat saya persefahaman, bukan keganasan, perlulah dipupuk demi kepentingan perusahaan perikanan kerana jika perusahaan ini terancam atau terhapus rakyat jelata di seluruh Malaysia termasuk semua Wakil Rakyat di Dewan ini, termasuk Tuan Pengerusi sendiri terpaksa membeli ikan kembung yang harganya akan semakin melambung.

Tuan Pengerusi, bagi saya sendiri, saya sanggup memberi jaminan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian bahawa saya rela menjadi jambatan di antara Jabatan Perikanan dengan nelayan-nelayan demi kepentingan negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Parit.

4.56 ptg.

**Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis (Parit):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 20, Butiran 1300 iaitu berhubung dengan Jabatan Parit dan Taliair (JPT).

Apa yang berlaku dalam negara pada hari ini di mana-mana juga, sebagai contoh saya bawa perhatian kepada kawasan saya iaitu di Perak Tengah iaitu peruntukan daripada JPT hari ini selalu tidak mencukupi samada dari bilangan kakitangannya ataupun peruntukan kewangan. Peruntukan yang diberikan kepada daerah-daerah adalah berdasarkan pada tahun 1974 iaitu sudah berlalu selama 8 tahun sehinggalah tahun 1982 ini tidak berubah sedangkan keluasan tanah sawah telah berlipatkali ganda daripada tahun 1974 tersebut.

Pada peringkat permulaan iaitu pada tahun 1974 parit-parit dan taliair itu dapatlah dibersihkan oleh pekerja-pekerja sebanyak 6 kali setahun tetapi oleh kerana bilangan keluasan tanah telah berlipatkali ganda maka kerja-kerja itu hanya dapat dijalankan antara 3 ataupun 4 kali sahaja dalam setahun. Apabila perkara ini ditimbulkan, maka akan dapatlah jawapannya mengatakan bahawa "peruntukan tak cukup, kakitangan kurang". Akibat daripada kekurangan itu maka kerja-kerja membersihkan taliair tergendala maka terjadilah kelembapan dalam usaha-usaha yang dijalankan. Akibatnya parit-parit dinaiki oleh rumput-rumpai dan "keladi bunting" sehingga menyebabkan tergendala perjalanan air untuk membekalkan di sawah padi.

Satu perkara lagi kesan daripada masalah ini ialah ketika air hendak dimasukkan ke sawah-sawah mengikut jadual yang telah diaturkan, enjin-enjin yang hendak menjalankan kerja memasukkan air tidak dapat berjalan kerana bekalan minyak tak cukup. Inilah yang selalu berlaku di kawasan

saya, maka tergendalalah program yang telah diatitkan dan petani-petani pun bertanya, apakah yang telah berlaku kepada JPT. Maka di sini saya memang sedar bahawa pelaksanaan JPT di daerah-daerah adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri tetapi saya rasa apabila masalah yang begini besar, berlaku di kawasan petani sudah sepatutnya Kementerian Pertanian mengambil perhatian berat dan mencari jalan dan berusaha bagi mengatasi bersama-sama dengan Kerajaan Negeri supaya masalah yang dihadapi oleh petani-petani di kawasan yang tersebut dapat diperbaiki dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, dalam Maksud B. 20 juga Butiran 2300, saya ingin pula menimbulkan masalah kemudahan-kemudahan asas di kawasan-kawasan persawahan padi termasuk juga kawasan-kawasan sawah yang baru dibuka. Tegasnya ialah pembinaan jalan raya yang sempurna. Pada masa ini tidak ada yang dibina dengan begitu baik, hanyalah setakat jalan-jalan kampung, batas-batas ban dan jalan-jalan sempit. Petani-petani menghadapi kesulitan untuk menjalankan usaha mereka bagi menjalankan usaha persawahan mereka, misalnya, untuk memasukkan jentera-jentera pembajak, begitu juga apabila tiba musim mengeluarkan hasil padi mereka. Mereka terpaksa menggunakan jalan yang sempit dan kotor maka sudah tentulah perkara ini menimbulkan rungutan daripada petani-petani kita.

Maka di sini saya mencadangkan kepada Kementerian Pertanian supaya menyediakan jalan-jalan yang sempurna dan secukupnya di kawasan-kawasan persawahan termasuk sawah-sawah yang lama dan juga sawah-sawah baru dibuka. Dalam usaha membuka rancangan-rancangan sawah yang baru itu hendaklah disediakan sama rizab yang ditentukan untuk

membuat jalan-jalan. Dengan cara ini apabila Kerajaan hendak membina jalan-jalan pada satu masa kemudian di kawasan persawahan yang baru dibuka tidaklah menimbulkan masalah dengan mengambil tanah-tanah sawah petani yang telah diusahakan oleh mereka.

Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan B. 20, Butiran 7, muka surat 172.

Saya ingin menyentuh sedikit iaitu berkaitan dengan Lembaga Pertubuhan Peladang. Mengikut apa yang terdapat di dalam Belanjawan yang dijelaskan peruntukan yang diberi kepada Lembaga Pertubuhan Peladang ini telah dikurangkan daripada tahun 1982, iaitu daripada \$40,182,000 kepada \$35,531,800 untuk tahun 1983. Lembaga Pertubuhan Peladang ini sebagaimana yang kita tahu tujuannya ialah untuk memodenkan, untuk memajukan dan untuk meningkatkan, usaha-usaha Pertubuhan Peladang supaya menjadi institusi pembangunan di luar bandar iaitu dalam konteks Dasar Ekonomi Baru, untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat luar bandar. Sepatutnya peruntukan bagi LPP ini bukannya dikurangkan, tetapi hendaklah ditambah lagi daripada peruntukan tahun 1982. Saya mengemukakan masalah ini kerana apa yang saya tahu bahawa LPP ini sedang menghadapi masalah kewangan. Rakyat di Kampung-kampung di luar bandar sendiri sedar, misalnya, dalam tuntutan komisyen skim subsidi baja padi. Saya beri contoh di Perak sahaja pihak LPP masih terhutang dengan angka yang begitu besar iaitu masih belum menjelaskan subsidi ini kepada Pertubuhan Peladang di kawasan-kawasan.

Dalam negeri Perak terdapat 24 Pertubuhan Peladang di mana LPP masih belum menjelaskan komisyen skim subsidi baja padi ini lebih daripada \$600,000. Sebagai contoh di

kawasan saya sendiri Pertubuhan Peladang di sana terdapat dua buah iaitu Pertubuhan Peladang Bota Lambur masih belum menerima sehingga hari ini sebanyak \$22,735 dan Pertubuhan Peladang Belanja Layang-layang masih belum menerima subsidi ini sebanyak \$13,200. Jadi, di sini ahli-ahli Pertubuhan ini tertanya-tanya adakah Kerajaan sudah tidak mampu untuk membayar subsidi mereka. Jadi, apa yang menjadi masalah kepada saya kerana sudah tentulah saya akan memberi jawapan perkara ini akan diberi, insya Allah, dalam masa yang secepat mungkin. Jadi masalah-masalah ini diharap tidak akan berpanjangan supaya kita dapat memastikan kepada rakyat bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian dalam usaha-usaha membela nasib petani-petani di luar bandar.

Di sini saya berharaplah supaya Kementerian Pertanian mengambil perhatian yang serius dalam mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi dan saya di sini mencadangkan supaya peruntukan bagi Butiran 7 ini iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang ditambah. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.05 ptg.

**Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian bagi membahas peruntukan Kementerian Pertanian.

Saya suka menyentuh, pertama berkenaan dengan B. 20 dalam muka surat 170, Butiran 4100 berkenaan dengan perkara 5, MARDI, FAMA dan MAJUIKAN ketiga-tiga sekali (5), 6) dan (10).

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang sama-sama kita maklum bahawa MARDI atau Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia ini sudah banyak membuat berbagai-bagai penyelidikan berhubung dengan masalah pertanian untuk membantu Kerajaan bagi menolong petani-petani di kawasan luar bandar, akan tetapi saya berharap MARDI akan dapat memikirkan masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh negara. Umpamanya, hari ini kita dapati di negeri-negeri jelapang padi Kedah dan sedikit-sedikit di Perlis dan Perak menghadapi satu masalah yang sangat serius berhubung dengan penyakit-penyakit padi dan juga musuh-musuh padi seperti kutu beruang yang berlaku di daerah Kerian. Sepatutnya pihak MARDI di samping merancang dari segi projek jangka panjang berhubung dengan pembangunan pertanian, perkara-perkara yang serius seperti ini hendaklah diberi perhatian yang serius juga iaitu mengkaji bagaimana supaya dapat dibasmikan musuh-musuh padi yang ada di dalam negara kita ini, begitu juga penyakit-penyakit padi yang melanda petani-petani kita sekarang. Di dalam keadaan kemelesetan ekonomi ini tentulah lebih sangat terasa kepada petani-petani kita apabila padi-padi mereka tidak dapat diusahakan akibat dari musuh padi ataupun penyakit-penyakit padi itu. Kalau boleh patutlah pihak MARDI mengkaji sama ada benih-benih padi yang ada sekarang ini sudah tidak lagi sesuai di kawasan yang seperti itu, barangkali diikhtiarkan mencari jalan bagaimana supaya MARDI dapat mengeluarkan benih-benih padi yang boleh melawan penyakit-penyakit padi ataupun yang boleh menghalang musuh-musuh padi untuk merosakkan padi itu. Kalau sekiranya kita berjaya di dalam penyelidikan yang seumpama ini iaitu mengeluarkan benih-benih padi yang seperti itu, selain daripada mutunya atau quality yang boleh mengeluarkan hasil yang banyak,

maka saya akan dapat membantu dan menolong keadaan hidup petani-petani kita yang ada di kawasan luar bandar.

Selain daripada itu, kita tahu juga pihak Lembaga Pertubuhan Peladang telah pun diberi amanah oleh Kerajaan supaya memajukan tanah-tanah yang terbiar, di antara negeri-negeri di Malaysia ini yang banyak tanah-tanah yang terbiar ialah di negeri saya iaitu di negeri Perak lebih daripada 19,000 hektar. Jadi saya haraplah kerana kita tahu bahawa sebahagian daripada sebab-sebab kawasan tanah sawah ini menjadi terbiar kerana susah mendapat sumber-sumber air. Oleh sebab itu patutlah tindakan segera dibuat menukarkan jenis tanaman padi kepada lain-lain tanaman. Ini memerlukan penyelidikan supaya kerja-kerja yang dibuat oleh petani-petani itu tidak hanya dengan agak-agak sahaja kerana itu akan merugikan masa, merugikan tenaga dan merugikan wang ringgit, tetapi kalau setelah tanah itu dikaji apakah tanaman-tanaman yang sesuai dan patut ditanam oleh petani-petani di kawasan tanah-tanah terbiar, maka dengan bantuan dan khidmat nasihat yang diberi oleh Lembaga Pertubuhan Peladang, saya percaya tanah-tanah yang terbiar itu sedikit demi sedikit akan dapat diusahakan untuk memberi manfaat dan kebajikan kepada petani-petani.

Perkara yang kedua berkenaan dengan perkara (6), Butiran 1400—Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

Kita tahu FAMA ini telah ditugas oleh Kerajaan bagi menolong memasarkan hasil pertanian petani-petani kita. Saya ucapkan terima kasih di atas usaha-usaha yang telah dibuat oleh FAMA ini, tetapi kadangkala terdapat juga sedikit sebanyak kelemahan di mana saya rasa dari segi sikap setengah-setengah pegawai-pegawai kita di kawasan-kawasan

patutlah diperbetulkan, janganlah sampai sama ada agensi-agensi Kerajaan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang atau orang ramai menjadi masalah yang begitu serius berhubung dengan pasaran-pasaran mereka.

Misalnya di dalam masa Kerajaan menjalankan gerakan Bumi Hijau maka dapat sambutan daripada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luar bandar tetapi apabila tiba masa hendak memasarkan barang-barang itu menjadi masalah, umpamanya macam jagong kalau pada mulanya 5 sen lama-lama tinggal sampai 2 sen, lama-lama sudah tak laku langsung. Jadi, dengan sebab itu melemahkan semangat petani-petani yang sedang gigih berusaha menyambut seruan Kerajaan. Apa yang kita harap supaya pihak pegawai-pegawai FAMA ini selalulah mengambil tahu, janganlah umpamanya ibarat makanan, janganlah nanti dihidang barulah hendak makan, ataupun kadang-kadang dihidang susah pula hendak makan, disuruh 2-3 kali baru hendak makan, lebih-lebih lagi umpamanya projek-projek yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan. Dengan sikap mendampingi rakyat yang seperti itu saya rasa akan dapat membantu mempertingkatkan lagi daya pengeluaran petani-petani kita untuk terus berusaha menambahkan hasil pertanian mereka.

Satu lagi Lembaga Kemajuan Ikan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pertanian kerana telah mengadakan satu pilot projek di kawasan saya Parlimen Padang Rengas, iaitu satu projek di Kampung Raban, saya pun tak sempat melawat walaupun cuti 2-3 hari ini kerana banyak program tetapi saya dengar penyokong-penyokong saya mengatakan bahawa banyak di antara pekerja-pekerja di situ sekarang tak bekerja. Saya tanya fasal apa, dia kata

benih ikan sudah tak ada. Saya haraplah supaya perkara ini tidak benar kerana ini adalah satu pilot project yang Kerajaan telah melaborkan wang lebih daripada \$2 million. Kalau sekiranya apa yang didakwakan itu benar maka saya bimbanglah projek percubaan seperti ini pun tidak dapat hendak diteruskan yang ditadbirkan oleh pegawai-pegawai yang terlatih, agensi-agensi Kerajaan, apakah pula caranya kita hendak menggalakkan petani-petani mengambil bahagian dalam ternakan ikan.

Satu perkara yang ditimbulkan, katanya sejenis ikan yang paling baik diusahakan boleh mendatangkan keuntungan ialah ikan Jelawat tetapi malangnya 2 hari sudah saya dapat tahu bahawa ikan Jelawat sekarang ini memang susah pula hendak dipasarkan, yang mudah dipasarkan ikan Ketutu Manisa. Saya haraplah supaya FAMA akan bekerja lebih rapat dengan pihak MAJUIKAN untuk memasarkan ikan-ikan Jelawat yang dipelihara di projek MAJUIKAN di kawasan Raban itu.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya suka menyentuh P. 20, muka surat 182, Butiran 179, Rancangan Menternak Kambing Biri-biri. Di dalam peruntukan yang dibuat oleh pihak Kementerian dalam tahun 1982 usaha menternak kambing biri-biri ini \$440,000 tetapi dalam tahun 1983 \$81,000 sahaja. Nampaknya usaha ini tidaklah begitu menarik minat pihak Kementerian ini tetapi saya suka menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kalau tak silap saya bahawa pihak MARDI telah membuat satu kajian berhubung dengan bulu kambing biri-biri ini di mana pihak MARDI telah membuat kesimpulan bahawa bulu kambing biri-biri yang diusahakan di negara kita ini mempunyai quality yang baik sama dengan yang ada di Gujrat, India di mana bulu ini boleh

dibuat permaidani. Saya harap kalau ini benar apa yang sudah dikaji oleh pihak MARDI itu tidaklah kajian itu dipersia-siakan, kalau boleh hendaklah ada dalam ingatan pihak Kementerian Pertanian, kalau pun sekarang zaman meleset tetapi kalau keadaan ekonomi kita sudah beransur pulih usaha menternak kambing biri-biri ini hendaklah dibuat secara besar-besaran, selain daripada kita menggunakan untuk usaha dagingnya, bulu kambing biri-biri ini boleh kita jadikan bahan bagi cottage industry. Ini adalah sesuai dengan dasar Kerajaan untuk mengadakan industri-industri kecil di kawasan-kawasan luar bandar. Dengan adanya usaha-usaha yang seperti ini akan dapat mempelbagaikan sumber pendapatan rakyat di kawasan luar bandar. Selain daripada bercucuk tanam, selain daripada berternak, mereka dapat pula membuat usaha-usaha daripada hasil-hasil ternakan mereka seperti bulu kambing biri-biri itu untuk dijadikan permaidani. Saya tidak dapat menyelidik berapa banyakkah hasil import kita berkenaan dengan permaidani ini tetapi bila kita pandang di kedai-kedai hari ini nampaknya penjual-penjual permaidani ini begitu laris sekali, kebanyakannya datang dari Jepun, harganya agak murah sedikit. Nampaknya sikap masyarakat kita ini tidak berapa suka lagi hendak pakai tikar mengkuang, tikar getah, dia suka pakai permaidani. Saya rasa patutlah kita sesuaikan dengan sikap masyarakat ini dengan menghasilkan permaidani dengan menternak kambing biri-biri secara besar-besaran.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan P. 20 juga muka surat 182, Butiran 195, Padangragut. Padangragut ini saya rasa sudah sampai masanya Kerajaan mengubah sikap, walau bagaimanapun saya rasa sekarang Kerajaan telah mula mengubah sikap. Pada masa dahulu

padangragut-padangragut ini bantuan-bantuan diberi kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Bagan beri dawai, pagar dan sebagainya disuruh pagar, tiap-tiap tahun ada peruntukan tetapi kadangkala sikap masyarakat kita juga tidak begitu baik, kawasan bagan tak dipagar, kerbau berkeliaran. Saya sendiri telah bangkitkan beberapa kali sejak tahun tujuh puluhan lagi supaya Kerajaan mengubah sikap, mengubah dasar dengan cara memajukan kawasan-kawasan padangragut ini. Alhamdulillah, mulai setahun dua yang sudah saya nampak pihak Kerajaan telah mengubah dasarnya, iaitu Kerajaan telah memajukan kawasan padangragut ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian tetapi malangnya, umpamanya di kawasan Daerah Ulu Perak ada lebih 6,000 ekar kawasan padangragut, yang dimaju hanya baru 400 ekar, jadi ini 6%—terlalu kecil. Mana-mana kawasan yang sudah dimaju telah dapat ditanam dengan jenis-jenis rumput yang bermutu daripada luar negeri maka petani-petani atau penternak-penternak telah dapat memelihara ataupun menternak binatangnya dengan lebih sempurna daripada masa-masa yang lepas di mana mereka hanya lepaskan begitu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada masa 2 minit lagi.

**Tuan Haji Saidin bin Mat Piah:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya haraplah supaya peruntukan dapat ditambah sedikit di kawasan Parlimen Padang Rengas walaupun peruntukan ini dikurangkan kerana kawasan-kawasan padangragut yang telah dimajukan terlalu sedikit.

Selain daripada itu berkenaan dengan Butiran 217, Projek Ternakan Lembu, ini ada kaitannya dengan Butiran 195. Tidaklah guna kita memberi lembu begitu banyak kepada

petani-petani kita kalau kita tidak dapat menyediakan padangragut-padangragut yang sesuai kerana ini boleh menimbulkan masalah sosial di mana lembu-lembu itu akan berkeliaran di dalam kampung merosakkan pula tanaman-tanaman petani-petani lain yang ada dalam kampung sehingga menimbulkan perbalahan dalam masyarakat, satu pihak hendak hendak bertanam, satu pihak hendak menternak tetapi kedua-duanya digalakkan oleh “Kerajaan. Maka dengan adanya dapat dikawal binatang-binatang ternakan ini dalam satu kawasan padangragut yang teratur seperti yang telah dimulakan oleh Kementerian Pertanian ini saya yakin dan percaya kita akan dapat terus mempertingkatkan lagi daya pengeluaran petani-petani kita di bidang penternakan. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kapit.

*5.20 ptg.*

**Datuk Leonard Linggi anak Jugah (Kapit):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 20, Butiran 4100, Program (6) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Tuan Pengerusi, hari ini saya ingin meminta perhatian Kerajaan terutama sekali Kementerian Pertanian kepada masalah-masalah yang dialami oleh penanam-penanam dan industri lada hitam dengan cadangan-cadangan untuk menghidup semula industri ini.

Negara kita Malaysia tidak lama dulu adalah pengeluar utama lada hitam di pasaran dunia dengan pengeluaran berjumlah 30,000 tan setahun iaitu 30 peratus pengeluaran dunia. Dalam tahun 1979 lada hitam adalah bahan pengeluaran negeri Sarawak yang ketiga pentingnya dengan membawa hasil berjumlah \$136.4 million dalam pertukaran luar.

Tetapi dalam tahun 1981 pendapatan eksport dari lada hitam telah turun sebanyak 40 peratus dengan nilai hanya \$81.4 juta. Dalam tahun 1982 ianya lebih rendah lagi. Keadaan yang demikian berlaku oleh sebab harga lada hitam telah jatuh di negara-negara barat yang banyak membeli bahan ini dalam tahun-tahun yang lepas.

Di New York misalnya, lada hitam dari Malaysia telah turun dari harga pukul rata US\$1.12 sen dalam tahun 1977 kepada US\$0.86 sen sepaun dalam tahun 1979 dan harga pukul rata dalam tahun 1981 ialah US\$0.65 sen iaitu turun 42 peratus dari tahun 1979. Dalam tahun 1982 harga di New York tetap di paras yang wujud dalam tahun 1981, tetapi yang mendukacita ialah tidak ada jualan yang dibuat setakat ini kerana penjual Malaysia yang tidak dapat jual bahan ini dengan harga yang rendah dari harga-harga sekarang. Ia telah mengundur diri dari pasaran Amerika Syarikat dan pasaran ini terbuka untuk persaingan antara Brazil dan Indonesia. Akibat daripada persaingan yang begitu hebat antara dua buah negara ini harga lada hitam telah turun di pasaran New York kepada US\$0.48 sen sepaun dalam awal bulan Oktober tahun 1982.

Brazil dapat menjual lada hitam dengan harga yang rendah kerana negara itu perlu pertukaran luar, ataupun dengan izin, foreign exchange. Kadar inflasi di Brazil adalah hampir 100 peratus setahun. Negara itu perlu menjual apa jua bahan utama yang ada dengan secepat mungkin. Tambahan pula Brazil mempunyai kedudukan yang lebih baik dalam pengangkutan dari negara kita oleh sebab ianya berdekatan dengan Amerika Syarikat.

Dalam keadaan yang demikian maka amatlah sukar bagi Malaysia untuk bertanding dengan berkesan

dengan penjual-penjual dari Brazil. Indonesia masih dapat menyebut harga setanding dengan jualan eksport Brazil di pasaran Amerika Syarikat dan persaingan ini dilakukan hanya untuk menahan tempat di pasaran Amerika Syarikat yang selama ini telah banyak membeli lada hitam dari Indonesia. India, oleh sebab peraturan politik masih dapat menikmati premium harga yang agak besar di Russia dan dapat membiarkan pasaran di Amerika Syarikat.

Tuan Pengerusi, negara kita Malaysia telah mengalami kesukaran dalam pasaran di Amerika Syarikat oleh sebab harga yang rendah dan ini jelas ternampak dalam jumlah eksport kita yang telah turun daripada 1,107 tan dalam tahun 1980 kepada 96 tan dalam tahun 1981. Ada tanda-tanda menunjukkan bahawa negara kita Malaysia akan mengalami kesukaran untuk merebut kembali kedudukannya dalam pasaran Amerika Syarikat oleh sebab utama ialah kemunculan negara Brazil yang bukan hanya berdekatan dengan Amerika Syarikat tetapi juga sanggup menjual bahan utamanya dengan harga yang begitu rendah tanpa menghiraukan ongkos pengeluarannya.

Dengan harga yang turun penjualan kita ke Eropah juga mengalami kesukaran walaupun tidak seberapa teruk seperti yang dihadapi di Amerika Syarikat. Jumlah jualan dalam tahun 1981 adalah 2,706 tan berbanding dengan 3,963 tan dalam tahun 1976. Memandangkan persaingan yang begitu hebat dalam pasaran di Eropah Barat dan Amerika Syarikat, ketika harga pengeluaran melambung naik, yang menjadi lebih buruk lagi oleh pemotongan harga di antara Brazil dan Indonesia, maka saya bercadang pasaran-pasaran baru patutlah dicari untuk lada hitam dari

Malaysia. Secara khususnya dua kategori pasaran yang patut dicari ialah:

- (1) Penjualan-penjualan kepada negara-negara yang mengamalkan ekonomi yang dirancang dari pusat, ataupun dengan izin, centrally-planned economy, seperti negara China dan negara di Eropah Timur;
- (2) Penjualan-penjualan kepada negara-negara yang berdekatan dengan kita untuk kemudahan pengangkutan lebih-lebih lagi dalam persaingan dengan negara Brazil. Dalam soal (2) ini maka saya fikir negara Australia dan New Zealand misalnya yang paling sesuai.

Dalam soal ini negara China juga paling sesuai. Kegunaan di negara China setakat ini belum berapa jelas tetapi mungkin rendah memandangkan jumlah 1,615 tan yang dijual kepada negara itu menerusi Hongkong dalam tahun 1981. Tetapi negara China boleh dianggap sebagai "market" yang berpotensi besar. Menurut kegunaan beras per kapita, ataupun dengan izin, per capita consumption, yang 10 grams satu orang iaitu 10% paras kegunaan di Amerika Syarikat, untuk sejumlah penduduk beribu-ribu juta maka kegunaan bolehlah dijangka 10,000 tan setahun atau bersamaan dengan 40% pengeluaran negara Malaysia sekarang. Tetapi penjualan ke China tidaklah boleh diletakkan kepada pihak swasta sahaja, ia patut dilakukan di antara Kerajaan dengan Kerajaan, dengan izin, on a Government-to-Government basis.

Memandang bahawa negeri China mempunyai kurang pertukaran luar untuk membeli lada hitam dari

Malaysia, satu sistem perdagangan dengan cara menukar barang, atau "barter trading" hendaklah dijalankan untuk merebut peluang pasaran negeri China itu. Oleh sebab negara Malaysia banyak membeli barang-barang keluaran negeri China, saya bercadang bahawa badan-badan berkanun Kerajaan seperti PERNAS dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Lada Hitam boleh menukar lada hitam dengan barang dagangan China. Dalam perkara ini negara kita Malaysia mempunyai kedudukan yang lebih baik dari Indonesia dalam pasaran negeri China oleh sebab Malaysia mempunyai hubungan yang baik dalam perdagangan dan politik dengan negeri itu. Negeri India misalnya bergantung sangat atas perhubungannya yang baik untuk menguasai pasaran di negeri Russia.

Tuan Pengerusi, Australia dan New Zealand telah membeli sebanyak 1,200 tan lada hitam dari Malaysia menerusi Singapura. Dengan adanya kilang memproses daging di negara itu maka pasaran-pasaran di situ bolehlah diperkembangkan dan dieksploitasikan bagi menjual terus bahan ini kepada pengilang-pengilang makanan dan kilang-kilang yang memproses daging.

Tuan Pengerusi, pengaruh Islam negara kita patut juga digunakan sambil kita memperluaskan tali persahabatan kita dengan negara-negara Islam yang lain kita juga boleh mencari pasaran untuk lada hitam kita, misalnya di Pakistan, Timur Tengah dan juga di negara-negara di Afrika.

Tuan Pengerusi, Malaysia tidaklah dapat bergantung kepada organisasi-organisasi antarabangsa seperti Pepper Community untuk menghidup semula industri ini menerusi harga yang stabil oleh sebab selalunya kita telah dipermainkan oleh negara-negara ahli dengan cara mudah seperti

menjual bahan-bahan dengan harga yang paling rendah tanpa menghiraukan kesannya terhadap negara-negara ahli yang lain. Kita mesti perjuangkan kehidupan kita sendiri. Kita mesti mempunyai keberanian dan pandangan jauh untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memperkembangkan pasaran bagi bahan keluaran kita. Indonesia telah membuka pejabat perdagangan yang dinamakan UNIPRO di Amsterdam bagi pasaran lada hitam di Eropah. Tidak ada sebabnya kenapa Lembaga Lada Hitam tidak boleh berbuat demikian di Hongkong untuk pasaran Negeri China, di Hamburg untuk pasaran Negeri Eropah.

Tambahan pula pejabat-pejabat perdagangan Malaysia di Australia, New Zealand, Pakistan dan lain-lain di Timur Tengah di Afrika patut juga mempunyai pegawai-pegawai perdagangan ditugas khas untuk memaju dan meluaskan pemasaran lada hitam kita.

Saya percaya Lembaga Lada Hitam pernah mencadangkan supaya pusat perdagangan ditubuhkan di seberang laut tetapi tidak diterima oleh Kerajaan kerana tidak ada peruntukan wang. Kalaulah Kerajaan bersedia untuk membelanja beratus juta ringgit untuk menjaga harga timah, pertimbangan patutlah diberi kepada lada hitam yang berkehendakkan hanya berpuluh juta ringgit sahaja. Kecuali dengan adanya tindakan yang positif diambil dengan secepat mungkin industri lada hitam adalah dalam bahaya akan musnah sama sekali.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditempokkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 5.33 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.49 petang.*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

*(Timbalan Yang Dipertua mempergunakan Jawatankuasa)*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kepong.

*5.49 ptg.*

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh hanya empat perkara yang saya harap Yang Berhormat Menteri Pertanian akan berusaha untuk memperketat dan memperbaiki keadaan.

Muka surat 172, Maksud P. 20 Butiran 4—Lembaga Kemajuan Ternakan Negara. Semenjak kelam kabut dan huruhara yang wujud kerana penyelenggaraan dan kecurangan yang terdapat dengan MAJUTERNAK, ianya sekarang ini semacam embun di atas daun lenyap dengan matahari yang terbit. Dari buku Jadual ini tidak ada MAJUTERNAK kecuali di Sabah sahaja. Jadi, ini menunjukkan jentera pentadbiran bagi MAJUTERNAK yang sudah lenyap di Semenanjung, tidak cekap, tidak beramanah dan tidak bersih dengan berjuta-juta ringgit yang turun ke bawah. Kalau kita buang wang siling ke laut pun ada bunyi, sekarang ini wang yang diperuntukkan kepada MAJUTERNAK beberapa tahun kebelakangan ini sudah tidak ada hasil yang baik yang dapat dibanggakan oleh rakyat negara ini.

Oleh itu, saya mencadangkan bahawa Lembaga Kemajuan Ternak Negara memperketatkan pentadbirannya supaya jentera pentadbiran dapat dijalankan dengan lancar, bersih dan cekap. Kerana kecuaihan dan penyelewengan telah berlaku dengan Majuternak, salah satu faktor yang menyebabkan harga daging lembu

sekarang melambung naik dan bebannya ialah hendak ditanggung oleh rakyat jelata. Jadi, dari segi harga daging lembu ini saya juga menyeru supaya Yang Berhormat Menteri dapat mengambil langkah yang positif, wajar dan waras untuk menstabilkan dan jika boleh menurunkan harga daging lembu di negara kita.

Seterusnya muka 167, Maksud Bekalan 20, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Dalam Maksud Bekalan 20 ini, saya ada tiga perkara.

Yang pertama menurut Dasar Ekonomi Baru kita hendak menggalakkan penyertaan orang-orang Melayu dalam bidang-bidang seperti perdagangan perindustrian dan sebagainya. Ini satu langkah yang perlu diambil dan hendaklah dijayakan. Dan sebaliknya, pekerja-pekerja di sektor pertanian ini terdiri dari sebahagian besarnya orang-orang Melayu dan jika penyusunan semula masyarakat itu hendak dijayakan perlulah kita menggalakkan dan menjayakan penyertaan orang-orang bukan Melayu di dalam sektor pertanian.

Menurut Rancangan Malaysia Keempat kadar pertumbuhan untuk sektor pertanian ialah dianggarkan sebagai 5%, kalau tidak silap saya, tetapi pada tahun ini pertumbuhannya hanya 2.5 atau tidak lebih daripada 3% dan penyertaan orang-orang bukan Melayu di dalam sektor pertanian setakat ini nampaknya tidak berjaya dan inilah suatu kelemahan yang terdapat dengan Kementerian Pertanian. Oleh itu, saya mengesyorkan hendaknya Yang Berhormat Menteri mempergiatkan dan mempertingkatkan usahanya untuk mencapai matlamat yang telah dimaktubkan dalam Dasar Ekonomi Baru.

Perkara yang kedua, di dalam Butiran 1100 ini ialah Bancian Pertanian tahun 80-an. Setakat ini kita

hanya mempunyai Banci Pertanian untuk tahun 1960 sahaja. Jadi, segala aktiviti peruntukan dan sebagainya yang digunakan ialah berdasarkan kepada Bancian Pertanian tahun 1960, hampir 20 tahun sudah, jadi angka-angka itu sudah ketinggalan zaman—sudah dua dekad. Inilah kita berkehendakkan satu Bancian Pertanian yang terbaharu kerana sektor ini penting untuk negara kita. Jadi, kita seharusnya mengadakan Bancian Pertanian tiap-tiap satu dekad sekurang-kurangnya, tetapi malangnya sehingga sekarang Bancian Pertanian 1980 tidak diterbitkan lagi. Kalau ada saya hendak merenungnya tentang bancian itu untuk masa ini. Inilah satu kelemahan Kementerian Pertanian untuk mewujudkan suatu suasana yang cekap, bersih dan beramanah. Dan kerana ini samalah dengan Majuikan dan Lembaga Majuternak rakyatpun kadangkala seperti layang-layang putus tali.

Akhirnya, sekali ini suatu perkara yang terpenting untuk negara kita. Semenjak kemerdekaan 25 tahun yang silam, kita tidak ada satu reformasi tanah di negara kita. Adapun Skim Bersepadu dan sebagainya yang dilaung-laungkan oleh Kementerian yang berkenaan tetapi hampir semuanya tertimpa kegagalan. Salah satu faktor yang saya diberitahu ialah kerana sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini adalah pemilik tanah yang besar. Itu satu hakikat yang saya tidak dapat tahu dan tidak dapat disahkan di sini. Mungkin. . . . .

**Dato' Abdul Manan bin Othman:**  
Untuk penjelasan. Kalau Yang Berhormat tersebut tidak dapat mengesahkan, saya harap Yang Berhormat tersebut tarik balik.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.....

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya tidak tahu, cuma saya telah diberitahu sahaja (*Disampuk*). Saya telah diberitahu sahaja

**Tuan Ismail bin Said:** Untuk penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Minta penjelasan, beri atau tidak, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Masalah pertanian, dia kata.

**Tuan Ismail bin Said:** Siapa yang beritahu kepada beliau?

**Dr Tan Seng Giaw:** Sumber-sumber tidak boleh diberitahu (*Ketawa*).

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Saya minta jalan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Ulu Terengganu minta jalan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Saya cuma hendak bertanya sama ada Ahli-ahli yang memiliki tanah yang besar itu, dia kata Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, termasuk Ahli-ahli Pembangkang juga?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, sesuatu perkara boleh dibangkitkan lain kali kerana luar daripada Butir-butir yang kita hendak bincangkan di sini (*Disampuk*).

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat tidak dapat bukti-buktinya

mesti dia tarik balik. Saya mohon Ahli Yang Berhormat itu menarik balik tuduhan itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, jika tidak ada bukti saya nasihatkan Yang Berhormat tarik balik kenyataan tadi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, yang saya bercakap tadi hanya saya diberitahu, itu salah satu faktor yang menyebabkan tidak ada reformasi tanah di negara ini ialah kerana sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini memiliki tanah yang besar. Itu sahaja. Saya pun tidak tahu ini benar ataupun tidak.....

**Tuan Pengerusi:** Oleh kerana itu, saya cadangkan Yang Berhormat tarik balik kenyataan itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Buat sementara ini, Tuan Pengerusi, saya berharap Yang Berhormat Menteri Pertanian dapat.....

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya minta dia tarik balik. Kalau tak mahu tarik balik jangan beri dia bercakap.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ingin tarik balik atau tidak. Oleh kerana Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa Yang Berhormat sendiri tidak tahu perkara itu benar atau tidak, oleh kerana itu.....

**Dr Tan Seng Giaw:** Sebab itu saya hendak Kementerian berkenaan mengesahkan sama ada ini benar atau tidak (*Disampuk*). Itulah suatu perkara di Dewan yang mulia ini memang kita.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, jika Yang Berhormat.....

**Dr Tan Seng Giaw:** Hal yang begitu mustahak.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila duduk. Jika Yang Berhormat sendiri tidak beri punca fact itu, macam mana Yang Berhormat Menteri boleh mengesahkan perkara itu. Jika Yang Berhormat boleh jelaskan di sini punca yang beritahu Yang Berhormat itu, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh mengesahkan perkara itu.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Yang dibuat itu ialah satu kenyataan, bukannya satu pertanyaan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya sebutkan tadi boleh ambil *Hansard* itu esok. Saya hanya mengatakan bahawa saya diberitahu sahaja. Sama ada disahkan atau tidak, terserahlah kepada Kerajaan.

**Tuan Hussein bin Mahmud:** Tuan Pengerusi, Tertib Mesyuarat 36.....

**Tuan Pengerusi:** Apa itu Yang Berhormat?

**Tuan Hussein bin Mahmud:** Tertib Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi:** Yes.

**Tuan Hussein bin Mahmud:** 36 (6) "Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain". Mungkin sangkaan itu kepada saya. Jadi, kalaulah kepada saya, Tuan Pengerusi, saya menganggap ini satu perkara yang jahat. Jadi, saya menyokong supaya perkara ini ditarik balik.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, sehingga Kerajaan boleh mengesahkan sama ada. ....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, itu adalah.....

**Dr Tan Seng Giaw:** .....kenyataan ini benar atau tidak, saya tidak boleh menarik balik kerana saya di sini hendak menanyakan supaya Kerajaan menyiasat sama ada ini benar ataupun tidak.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, apa Yang Berhormat katakan tadi pada awalnya bukan pertanyaan. Itu adalah satu kenyataan dan Yang Berhormat sendiri mengesahkan bahawa Yang Berhormat sendiri tidak tahu benar atau tidak kenyataan itu. Saya syorkan Yang Berhormat tarik balik kenyataan itu. (*Tepuk*). Jika kemudian hendak buat pertanyaan, boleh. Tetapi tarik balik dahulu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, jikalau boleh, saya boleh menyemak semula. .... (*Disampuk*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat tarik balik dahululah. Tarik balik dahulu, baru semak. Jangan membazir masa, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, kerana saya tidak boleh mengeluarkan bukti buat masa ini, jadi bukan bermakna tidak ada kemungkinan di sini kerana ada kemungkinan (*Disampuk*). Saya tidak boleh tarik balik. Mungkin.....

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Tertib Mesyuarat, Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sebutkan Tertib Mesyuarat.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Tertib Mesyuarat 36 (6), sepertimana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam tadi memang ini satu tohmah, satu tuduhan yang dilemparkan di Dewan yang mulia ini yang kononnya tidak ada reformasi tanah oleh kerana ada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mempunyai

tanah yang banyak. Ini memang satu tohmah yang menimbulkan sangkaan jahat. Jadi, saya harap Tuan Pengerusi mengarahkan supaya Ahli Yang Berhormat dari Kepong menarik balik tohmah dan tuduhan ini kerana tidak ada bukti dan ini memang pun tuduhan yang jahat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, itu suatu pentafsiran Ahli Yang Berhormat. Jadi, jikalau Kerajaan bermaksud hendak menyelidik dan menyiasat hal-hal, faktor-faktor yang menyebabkan skim-skim reformasi tanah yang gagal, saya boleh tarik balik.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 43 yang memberi kuasa kepada Tuan Pengerusi membuat.....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*).

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Duduk dahulu. (*kepada Dr Tan Seng Giaw*) Saya bercakap on a point of order. Di bawah Peraturan Mesyuarat 43, Tuan Pengerusi boleh membuat sesuatu keputusan mengenai perkara-perkara yang telah dibincangkan dan pihak Tuan Pengerusi sudah pun membuat keputusan bahawa tuduhan itu mesti ditarik balik. Tinggal lagi sekarang pihak Ahli dari Kepong enggan berbuat demikian yang bererti beliau melanggar perintah Tuan Pengerusi di bawah Fasal 43. Itu terpulanglah kepada Tuan Pengerusi, apakah hukuman yang patut dikenakan ke atas orang yang engkar kepada perintah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya ingin ingatkan kepada Yang Berhormat bahawa saya telah membuat keputusan saya supaya Yang Berhormat tarik balik kenyataan tadi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya boleh buat masa sekarang tarik balik, asalkan Kerajaan akan menyiasat faktor-faktor yang menyebabkan (*Disampuk*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tarik balik dahulu. Apa-apa penjelasan yang perlu dibawa kemudianlah, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya menghormati arahan Tuan Pengerusi dan saya tarik balik (*Tepuk*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila sambung.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, banyak masalah yang wujud kerana tanah. Tanah yang penting sekali untuk penduduk-penduduk sama ada di luar bandar ataupun di dalam bandar. Misalnya dengan pesawah-pesawah padi ada sebahagiannya yang tidak memiliki tanah, hanya sewakan tanah, dengan izin "absentee landlord." Ini menyebabkan kesusahan petani-petani termasuk subsidi. Subsidi padi yang sebahagian subsidi ini menguntungkan pemilik-pemilik tanah yang besar. Jadi, ada banyak faktor lagi yang menyebabkan kesusahan berkenaan dengan tanah. Oleh itu, saya mengemukakan agar Kerajaan mengambil langkah positif untuk mengadakan suatu reformasi tanah. Saya tidak berharap dengan secara revolui tetapi sekurang-kurangnya secara evolusi, termasuk menyiasat faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan. Jadi, saya tidak mahu dalam tempoh 25 tahun lagi, bila negara ini berumur 50 tahun, waktu itu ada juga Ahli Parlimen yang bangun di sini yang menyebutkan perkara yang serupa juga. Jadi, akhirnya kalau hendak seribu daya, kalau tak hendak seribu bencana. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Jerai. Yang Berhormat Menteri akan menjawab pada pukul 6.30 petang.

6.30 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Pengerusi, saya turut membahaskan di dalam Maksud

B. 20 dan P. 20 dan mulanya saya akan menyentuh dalam B. 20 muka surat 170, Butiran 4100, Aktiviti (1) hingga (12) yang saya rangkumi semua sekali di mana peruntukan dikehendaki sebanyak \$199,662,100.

Peruntukan ini adalah berkurangan daripada tahun 1982 dan daripada strategi serta juga daripada program dan prestasi yang ditunjukkan kepada peruntukan sebanyak \$199 juta ini telah menjelaskan bahawa ianya mempunyai perancangan-perancangan dan strategi-strategi mungkin kita tidak dapat menafikan bahawa sungguhpun peruntukan ini berkurangan tetapi adalah mempunyai harapan untuk mencapai segala matlamat dan tujuannya itu adalah lebih daripada apa yang dikatakan. Cuma satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah satu perkara yang perlu mendapat perhatian khususnya Kementerian Pertanian dan terutama sekali Yang Berhormat Menteri tentang kedudukan agensi-agensi yang begitu banyak melibatkan langsung terhadap pembangunan samada pembangunan untuk kemajuan infrastruktur dan juga sosio-ekonomi terhadap petani-petani.

Saya tidaklah hendak menafikan bahawa peranan agensi-agensi yang wujud ini adalah mempunyai tanggungjawab dan matlamatnya yang tersendiri yang selama ini juga banyak membuat kejayaan-kejayaan dan pencapaian yang dapat dibanggakan. Apa yang saya ingin sentuh di sini ialah oleh kerana kalangan ataupun sektor pertanian ini boleh dikatakan kebanyakannya berada di kawasan luar bandar dan sektor ini juga boleh dikatakan banyak sekali terdapat kalangan yang miskin ataupun kalangan-kalangan yang sederhana. Daripada perancangan-perancangan yang wujud tidak kurang juga agensi-agensi yang banyak menumpukan perhatian terhadap sama ada pembangunan kemajuan infrastruktur

dan sosio-ekonomi para petani, misalnya Jabatan Pertanian sendiri mempunyai peranan dan fungsi terhadap sektor pertanian, malah FAMA juga mempunyai peranannya terhadap pemasaran, LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang) juga mempunyai tugas kepada kemajuan dan perkembangan petani-petani.

Selain daripada itu agensi-agensi pembangunan wilayah ataupun kawasan sepertimana KADA, MADA dan lain-lain juga mempunyai peranan dan tugas terhadap pembangunan dan kemajuan pertanian. Kemudian di kawasan-kawasan yang tertentu pula terdapat IADP yang juga mempunyai peranan dan tugas yang secara langsung atau tidak langsung terhadap matlamat pertanian. Jabatan Haiwan sendiri mempunyai hubungan langsung kepada pertanian. MARDI juga mempunyai bidang penyelidikan yang juga bertujuan kepada perkembangan teknologi dan lain-lain bidang berhubung dengan pertanian dan lagi satu Jabatan Parit dan Taliair adalah juga mempunyai hubungan dan merancang infrastruktur pertanian dan yang akhirnya ialah Bank Pertanian yang juga bertujuan kepada memberi peluang ataupun bantuan terhadap sektor pertanian. Seperti yang saya katakan tadi, semua agensi ini mempunyai strategi, mempunyai prestasi yang tertentu kepada pencapaiannya. Cuma apa yang saya harap mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri ialah oleh kerana terlampau banyak agensi-agensi ini sudah menjadi satu keadaan yang kadangkala masing-masing harap mengharap dan secara tidak langsung terdapatnya juga keadaan-keadaan yang kurang membawa kekesanan terhadap pencapaian sepenuhnya matlamat untuk pembangunan pertanian ataupun di sektor pertanian sama ada di bidang kemajuan sosio-ekonomi ataupun di bidang-bidang yang lain.

Dahulu pernah saya difahamkan bahawa Allahyarham Tun Abdul Razak semasa menjadi Perdana Menteri mengarahkan penubuhan LPP sedangkan pada ketika itu tidak memansuhkan Akta Pertubuhan Peladang yang ditubuhkan sebelumnya, tujuannya ialah untuk menjadikan LPP ini menyelaraskan semua agensi-agensi lain yang mempunyai hubungan dan kaitan dengan matlamat pembangunan pertanian, tetapi akhir-akhir ini nampaknya masing-masing sudah jadi agak sepi dengan peranan dan tugas yang agak terhad dan masing-masing tidak dapat membawa satu matlamat yang lebih sempurna.

Semasa Menteri Pertanian dahulu telah membawa satu penyelarasan yang bermaksud menubuhkan Pusat Geraktani tetapi Pusat Geraktani itu hanyut begitu sahaja sehingga sekarang ini tidak diambil perhatian dengan seriusnya bagi menentukan bahawa perjalanan pusat Geraktani ini benar-benar membawa penyelarasan kepada agensi-agensi dan institusi yang ditubuhkan begitu banyak tadi untuk matlamat pembangunan dan pencapaian kemajuan dan sosio-ekonomi petani-petani.

Jadi saya haraplah pada tahun ini dengan peruntukan yang diberikan sebanyak \$199 juta ini pihak Kementerian sendiri akan memikirkan satu cara yang dapat membawa penyelesaian di dalam bidang ini kerana ini telah berlaku terutama sekali di Kedah—keseluruhan negeri Kedah, pihak Kerajaan Negeri ada Jabatan Pertanian Negeri, ada Jabatan FAMA, LPP, MADA, KADA, jadi pada keseluruhannya bertindih-tindan sehingga akhirnya masing-masing tidak tahu kepada siapa dan ke mana hendak ditumpukan dan kadang-kadang pegawai sendiri sudah menjadi bosan kerana masing-masing mempunyai identiti masing-masing,

mempunyai sikap masing-masing dan kadangkala tidak dapat hendak menyelaraskan semua keadaan.

Lagi satu yang saya akan sentuh di sini ialah berhubung dengan pembangunan pertanian. Saya hendak kaitkan juga tentang Butiran 1100, B. 20, Aktiviti (1) Tadbiran Am dan juga Aktiviti (2) Pertanian.

Berkaitan dengan pembangunan pertanian yang saya maksudkan tadi, saya pernah dengar beberapa lama dahulu bahawa Kerajaan kita merancang satu dasar pertanian negara tetapi sehingga ini saya pernah bertanya kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian, apakah satu dasar pertanian negara yang telah disusun selama ini dan yang telah pun disemak, dikaji dan dirumuskan tetapi sehingga masa ini masih belum dapat dibentangkan.

Apakah satu matlamat dasar pertanian negara sepertimana yang telah disebutkan itu? Bagi saya sekurang-kurangnya dengan menyatakan tentang dasar pertanian negara sebenarnya, bolehlah menjadikannya satu panduan atau garis panduan untuk semua agensi yang terlibat dengan pembangunan pertanian ini dan juga menjadikannya sebagai satu landasan ataupun dapat menjadikannya sebagai satu alat penyelarasan kepada pencapaian kekesanan yang sebenarnya.

Tuan Pengerusi, lagi satu yang saya ingin sentuh di sini ialah tentang muka surat 172 di bawah P. 20, Butiran 9—Subsidi Baja.

Pada tahun ini sekali lagi peruntukan dikehendaki sebanyak \$90 juta jika dibandingkan pada tahun sudah sebanyak \$97 juta bererti berkurangan \$7 juta. Walau bagaimanapun peruntukan yang diberi pada tahun ini saya berharap ianya akan dapat membawa kekesanan. Saya suka menarik perhatian di Dewan ini tentang pandangan dan

pendapat mengatakan bahawa subsidi baja yang diberikan kepada petani-petani ini tidak membawa manfaat dan faedah, saya rasa itu adalah satu pandangan dan pendapat yang salah. Apa yang sebenarnya berlaku daripada subsidi baja yang diberikan kepada petani-petani bukan sahaja dengan subsidi yang diberikan ini telah memberikan kelapangan bantuan kepada petani-petani itu sendiri dalam kos pengeluaran padi misalnya, tetapi ianya juga dengan menggunakan baja yang sebenarnya diberikan di bawah rancangan subsidi telah membawa pertambahan lebih daripada 20% pengeluaran padi dan beras untuk negara dan dengan ini bererti bukan sahaja petani mendapat baja sebanyak lebih kurang \$94 seekar tetapi dengan pertambahan lebih 20% hasil pendapatannya, adalah juga memberi pertambahan pendapatan kepada petani itu sendiri. Dan selain daripada itu negara juga dapat disumbangkan beras untuk keperluan negara dan dengan ini Kerajaan dapat mengurangkan pengimportan beras luar negeri dan menyelamatkan pertukaran wang luar daripada pengeluaran padi tadi.

Selain daripada itu satu perkara lagi yang mendatangkan faedah kepada petani-petani sendiri ialah dengan adanya pendedaran ataupun pemberian baja menerusi Pertubuhan atau Persatuan-persatuan Peladang kawasan, dan dengan ini satu perkhidmatan telah dapat diwujudkan memberi peluang pekerjaan dan juga memberi hasil pulangan daripada perkhidmatan itu dan akan menguntungkan Pertubuhan Peladang yang akan membawa pulangan hasil juga kepada ahli-ahli yang menyertai Persatuan Peladang iaitu terdiri daripada petani-petani sendiri. Cuma dengan ini saya berharap oleh kerana peruntukan \$90 juta ini adalah satu peruntukan yang agak banyak, saya berharap dengan ikhsan dan pertimbangan Yang Berhormat

Menteri pada tahun 1983 jika dapat berilah peluang kepada agensi peladang sendiri misalnya sama ada Pertubuhan Peladang di peringkat kawasan ataupun wilayah ataupun peringkat nasional iaitu NAFAS untuk membekalkan baja yang dikehendaki di bawah perancangan subsidi ini. Semoga dengan ini lagi peluang yang akan mendatangkan faedah dan pulangan kepada Institusi Peladang dan petani-petani mendapat nikmat daripada skim subsidi yang diadakan ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang terakhir yang saya akan sentuh di sini ialah mengenai muka surat 176, Butiran 74 iaitu Rancangan-rancangan Taliair di Kedah yang diminta peruntukan sebanyak \$7,658,000.

Saya membawa perkara ini ialah kerana di dalam kawasan saya sendiri terdapat satu kawasan yang tidak ada di dalam negeri Kedah sepertimana kawasan ini iaitu di kawasan antara Gua Cempedak sehingga ke Gurun yang mana kawasan ini ditanam dengan berbagai-bagai jenis tanaman. Kalau hendak lihat, kalau tidak dapat peluang pergi ke Taiwan boleh datang ke kawasan ini untuk melihat bagaimanakah tanaman yang ditanam sepenuh masa di dalam kawasan ini. Musim hujan ditanam dengan padi, selepas musim hujan ditanam dengan jenis-jenis tanaman yang lain termasuk sayur-sayuran, jagong, tembakau dan lain-lain dan boleh dikatakan tidak ada masa langsung, kawasan ini terbiar begitu sahaja dan boleh dikatakan untuk pasaran di kawasan Sungai Petani, (di market Sungai Petani) dan Alor Setar sebahagiannya hasil keluaran daripada sini termasuklah sayur-sayuran, cabai (chilli) dan sebagainya. Apa yang menjadi masalah di sini oleh kerana kawasan ini terdapat kawasan tadahan yang agak luas dan apabila hujan

datang dengan lebatnya dalam satu hari sahaja, kawasan ini boleh jadi tenggelam.

Kita telah pun meminta pihak Jabatan Parit dan Taliair merancangkan satu parit dan taliair untuk membuang ataupun mengeringkan kawasan ini dengan secepat mungkin pada masa hujan lebat dan yang sebenarnya pihak Jabatan Parit dan Taliair telahpun mengadakan satu rancangan sendiri, tetapi nampaknya perancangan ini tidak memberi kesan. Hal ini bukanlah satu perkara yang baru, tetapi sejak tahun 1978 dahulu lagi sehingga sekarang masih belum dapat diselesaikan dan telah pun dibuat perancangan supaya dapat diadakan satu taliair yang lebih sempurna dan peruntukannya telah pun diminta dan kertas-kertas kerja juga telah dikemukakan, tetapi nampaknya telah ditolak oleh pihak Kementerian. Oleh kerana keadaan di tempat ini amat mustahak sekali, saya berharap pada tahun ini perancangan yang diminta di dalam tahun 1983 ini diharap dapatlah ditunaikan semoga penyelesaian masalah ini dapat dibuat secepat mungkin. Kalau sekiranya ini tidak dapat dibuat bererti perancangan-perancangan kita untuk pembangunan pertanian dan untuk meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi masyarakat di tempat itu tidak akan dapat dicapai dan seringkali mereka akan menghadapi masalah banjir dan memusnahkan semua tanaman-tanaman yang mereka tanam dalam masa yang singkat dan ini adalah amat mendukacitakan, kalau sekiranya telah pun menjadi kenyataan dan bukti di atas apa yang saya jelaskan tadi masih lagi tidak diambil perhatian ataupun masih lagi dibiarkan berlarutan sehingga masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.26 ptg.

**Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan peruntukan Kementerian Pertanian.

Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu dan semua teguran-teguran itu telah diambil ingatan. Walau bagaimanapun ada beberapa perkara yang saya fikir mustahak diterangkan terutamanya teguran-teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, berhubung dengan peraturan-peraturan pukut tunda dan juga berhubung dengan penangkapan ikan oleh pukut tunda di luar perairan 5 batu. Nampaknya Ahli Yang Berhormat ini memperjuangkan kepentingan taukeh-taukeh besar dan tidak mengambil perhatian langsung terhadap penangkap-penangkap ikan yang kecil ataupun nelayan-nelayan tradisional yang ada di dalam perairan 5 batu itu. Peraturan-peraturan ini telah diwujudkan untuk menjaga kepentingan sumber ikan dan juga untuk kepentingan nelayan-nelayan yang kecil dan segala hasil-hasil penyasatannya telah pun saya terangkan di dalam Dewan yang mulia ini pada 8hb November yang lepas.

Ahli Yang Berhormat telah juga menegur berhubung dengan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Nampaknya Ahli Yang Berhormat tidak meneliti apakah objektif atau matlamat Lembaga Kemajuan Ikan itu sebenarnya. Memang ada beberapa projek yang telah dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Ikan termasuklah penternakan ikan air tawar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu di Puchong. Ini ialah satu projek yang telah dimulakan dan telah membuktikan bahawa projek udang

galah ini boleh ditenak di dalam kolam air tawar dan ini telah pun berhasil. Oleh kerana projek ini merupakan satu projek yang mana target groupnya bukanlah nelayan-nelayan, maka dengan kehasilan yang telah dicapai itu projek akan diambilalih oleh Jabatan Perikanan untuk menjadikan satu projek penyelidikan dan juga untuk dijadikan projek latihan untuk penternak daripada kalangan petani-petani

Ahli Yang Berhormat daripada Bandar Kuching, sungguh lancar dalam pendapatnya, tetapi sayang Ahli Yang Berhormat itu tidak menyelidik terlebih dahulu apakah tugas-tugas serta fungsi-fungsi Kerajaan Pusat dan juga pihak Kerajaan Negeri.

Penyelidikan pertanian di negeri Sarawak adalah di bawah Kerajaan Negeri Sarawak dan pihak Kerajaan Pusat memang memberi segala kemudahan-kemudahan dan juga petunjuk-petunjuk kepada kegiatan-kegiatan pertanian. Peruntukan \$10 ialah satu peruntukan "token" untuk membuktikan bahawa Kerajaan pusat bersedia untuk memberi pertolongan dan perkhidmatan kepada pembangunan pertanian di negeri Sarawak.

Berhubung dengan penyelidikan lada hitam, perkara ini telah pun dijalankan oleh MARDI dan kita tidak menunggu agar perkara ini dijalankan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan segala hasil-hasilnya telah pun digunakan untuk meningkatkan lagi usaha sektor lada hitam ini.

Berhubung dengan kegiatan pertanian keseluruhannya, Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang menjawab oleh kerana saya telah pun menerangkan beberapa projek besar-besaran yang sedang dikaji di negeri Sarawak di dalam jawapan saya kepada perbahasan di atas titah

Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada 15hb November, 1982 yang lepas.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah berhujah berhubung dengan kecekapan, khususnya MAJUTERNAK. Nampaknya Ahli Yang Berhormat itu tidak juga menyelidiki di atas apakah sebenarnya objektif atau matlamat agensi yang dinamakan "MAJUTERNAK". Berhubung dengan harga daging, terpulang pada pendapat masing-masing samada harga yang ada sekarang tinggi atau tidak, Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengaitkan penutupan MAJUTERNAK dengan kenaikan daging. Ini tidak ada kena-mengena dengan rasional-rasional yang menyebabkan penutupan MAJUTERNAK itu. Objektif MAJUTERNAK semasa ditubuhkan dahulu ialah untuk menjalankan perusahaan ternakan secara besar-besaran oleh kerana pada masa itu tidak ada pihak swasta untuk memulakan pelaburan di dalam kegiatan-kegiatan ini. Jadi untuk memulakannya MAJUTERNAK telah ditubuhkan untuk melabur dalam sektor ternakan dan oleh kerana pada masa sekarang ini difikirkan bahawa pelaburan-pelaburan ini akan memakan masa yang panjang untuk kepulangan modal yang telah ditanam itu maka kita telah mengubah dasar kita supaya pengembangan kegiatan ternakan akan dijalankan melalui pekebun-pekebun kecil. Ini menunjukkan keberanian kita menghadapi kenyataan. Oleh kerana kecekapan kita menghadapi kenyataan bahawa sekiranya didapati satu-satu projek itu pada jangka masa yang panjang tidak dapat menguntungkan, kami berani mengambil tindakan-tindakan yang tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah mengatakan bahawa orang-orang bukan Melayu tidak ada begiat

di dalam pertanian kecil-kecilan. Ini tanyalah diri sendiri oleh kerana tidak ada undang-undang atau dasar yang menyekat siapa juga untuk memasuki sektor pertanian ini.

Berhubung dengan bancian pertanian, kita ada membuat bancian ini. Ini juga nampaknya Ahli Yang Berhormat ketinggalan zaman bahawa kita memang ada bancian yang dibuat pada tahun 1979/80 yang telah digunakan oleh kami untuk perancangan-perancangan masa sekarang dan juga masa hadapan.

Berhubung dengan tuduhan bahawa subsidi padi telah menguntungkan pemilik-pemilik tanah yang besar, ini juga satu tuduhan yang melulu oleh kerana di dalam perancangan dan pelaksanaan kita baja padi ini diberi kepada pemilik-pemilik atau pengusaha-pengusaha tanah padi yang tidak melebihi 6 ekar sahaja.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah membangkitkan perkara tindakan penguatkuasaan di atas sebuah bot nelayan. Saya sukalah menerangkan bahawa bot yang tersebut telah menyalahgunakan lesen yang telah diberi iaitu memukat secara pukut jerut, tetapi bot itu mempunyai lesen pukut tunda. Dengan kesalahan itu mereka telah ditangkap dan didenda dan perkara ini telah pun dirayu ke Kementerian tetapi telah ditolak dan saya sungguh merasa kesal bahawa Ahli Yang Berhormat itu telah membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini.

Berhubung dengan pemulihan kelapa yang mana ada peruntukan lebih kurang \$82 juta yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan Datok, saya suka mengulangkaji bahawa sebagai satu dasar Kementerian tidak lagi menggalak penanaman atau pemulihan kelapa. Peruntukan yang ada itu bukanlah untuk pemulihan

kelapa tetapi pemulihan pekebun-pekebun kelapa. Sementara itu penyelidikan khususnya kegunaan-kegunaan kelapa akan diteruskan, terutama sekali berhubung dengan kelapa mawar yang mana kegunaannya ialah untuk kelapa kering.

Berhubung dengan perkara pembaharuan pelesenan bot yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Buntar, perkara ini barangkali ada tersilap teknik dan akan diperbetulkan sekiranya kes-kes tertentu boleh dibawa kepada Kementerian.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah membangkitkan perkara berhubung dengan pengelusan kawasan KADA. Kita sedar di atas perkara ini dan di Kelantan sekarang ini selain dari KADA, kita ada juga projek pembangunan kawasan Semerak-Kemasin dan juga Kelantan Utara. Perbincangan-perbincangan sedang diadakan dengan Kerajaan Negeri Kelantan untuk membesarkan kawasan KADA meliputi kedua-dua kawasan projek, iaitu Semerak-Kemasin dan Kelantan Utara ini disatukan di bawah satu pengurusan kawasan KADA.

Berhubung dengan pasaran ikan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Petaling, perkara pasaran ini bukanlah perkara baru, memanglah ada di dalam sistem pasaran orang-orang tengah tetapi yang menjadi persoalannya ialah ada di antara orang-orang tengah ini yang telah mengambil keuntungan yang lebih besar daripada yang berpatutan. Dasar kita ialah untuk memberi galakan-galakan kepada persatuan-persatuan nelayan sendiri untuk menjalankan segala pasaran-pasaran ikan dan pihak Lembaga Kemajuan Ikan akan menyediakan segala

kemudahan-kemudahan infrastruktur-infrastruktur sebagai sokongan kepada kegiatan-kegiatan persatuan-persatuan nelayan ini.

Harga udang telah naik, ini adalah kerana permintaan juga telah bertambah, tambah-tambah lagi dari kaum lelaki kita.

Berhubung dengan ternakan pula, kita berjaya dalam ternakan ayam, dan telah mencapai "self-sufficiency" tetapi usaha-usaha sedang dijalankan mengkaji yang mana sejauh mana kita boleh mengeksport ternakan-ternakan ini khususnya kepada negara-negara jiran kita. Yang menjadi masalah, ialah ongkos atau harga pengeluarannya adalah lebih tinggi daripada negara-negara jiran kita.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Mengapa disebut kaum laki-laki suka sangat dengan udang?

**Dato Abdul Manan bin Othman:** Tuan Pengerusi, ini untuk menjelaskan bahawa permintaan di dalam pasaran telah meningkat dan yang ramai pergi ke restoran-restoran ialah kaum laki-laki yang selalunya meminta makanan tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Faham Yang Berhormat? (*Ketawa*)

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Berhubung dengan import-import rempah atau bawang, jagong dan sebagainya kita sedar di atas perkara ini tetapi di dalam perkara seperti ini yang menentukannya ialah harga pengeluarannya. Di dalam kajian kami harga pengeluaran di dalam negara kita adalah lebih mahal daripada harga import dan untuk menggunakan tanah kita secara maksimanya maka kita sehingga hari ini menggalakkan tiap-tiap tanah itu digunakan untuk kegunaan tanaman-tanaman lain yang boleh memberi

keuntungan yang lebih kepada petani-petani dan peladang-peladang kecil kita.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah membangkitkan perkara berhubung dengan penyakit padi akibat serangan serangga-serangga. Tuan Pengerusi, saya telah pun memberi jawapan di atas langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian iaitu langkah jangka pendek dan juga langkah jangka panjang di dalam jawapan saya pada 5hb November yang lepas, di dalam berbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Untuk menukarkan tanaman-tanaman padi kepada tanaman-tanaman yang lain yang mana banyak berlaku di tempat-tempat pendalaman memanglah menjadi satu dasar kita untuk menggalakkan tanah-tanah terbiar yang dahulunya ditanam dengan padi yang difikirkan tidak ekonomik lagi itu ditanam dengan tanaman-tanaman yang lain.

Berhubung dengan pasaran pula, sehingga sekarang ini kita telah menubuhkan lebih kurang 160 pejabat FAMA untuk memberi sumbangan kepada petani-petani kecil kita. Saya mengakui barangkali ada tempat-tempat yang mana kita tidak dapat memenuhi sepenuhnya kehendak-kehendak petani itu tetapi yang menyulitkan pihak FAMA ialah kerana perancangan-perancangan permulaan untuk menanam itu tidak terlebih dahulu dibincang dengan FAMA dan apabila hasil itu dikeluarkan maka barulah mereka mencari FAMA dan masa itulah FAMA dikehendaki mencari pasaran. Oleh kerana hasil-hasil ini merupakan hasil-hasil yang senang rosak maka tentulah timbul banyak kesulitan-kesulitan untuk memasarkannya.

Berhubung dengan bulu kambing biri-biri, ini ialah merupakan satu perusahaan sampingan sahaja, yang

akan menentukan samada perusahaan ini boleh digalakkan atau tidak ialah permintaan daging daripada kambing biri-biri yang berkenaan. Walau bagaimanapun, dari segi penyelidikan kita akan meneruskan dan terpulanglah kepada pihak swasta atau petani-petani kecil kita untuk melabur di dalam kegiatan-kegiatan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit telah membangkitkan perkara berhubung dengan kejatuhan harga lada hitam. Perkara ini memang disedari. Lada Hitam sekarang ini tidak mendapat harga pasaran yang berpatutan dan satu daripada sebab-sebabnya ialah harga pengeluaran kita juga telah meningkat dan perusahaan ini dijalankan oleh petani-petani kecil dan ada yang menjalankannya secara sampingan sahaja. Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengingatkan supaya kita mencari pasaran-pasaran baru. Adalah menjadi kegiatan kami untuk mencari pasaran-pasaran ini dan pihak FAMA telah pun melawat ke beberapa buah negara untuk mencari pasaran-pasaran baharu seperti di Amerika, di negeri China dan juga di negara-negara Timur Tengah.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya sukalah menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jerai berhubung dengan beberapa agensi yang telah dibentuk di bawah Kementerian Pertanian. Semua agensi-agensi ini telah dibentuk dengan matlamat-matlamat dan objektif-objektif serta fungsi-fungsi mereka bersendirian dan sentiasa diawasi dan diteliti di atas kejayaan-kejayaan prestasi mereka. Apabila difikirkan satu-satu fungsi itu patut diubahsuai oleh kerana perubahan-perubahan semasa, perubahan itu akan dibuat seperti yang telah dibuat kepada Lembaga Kemajuan Ternakan.

Dasar Pertanian Negara telah lama juga dipersoalkan. Seperti saya terangkan di Dewan yang mulia ini di masa yang lepas bahawa bukannya kita ini tidak ada dasar tetapi apa yang hendak diperbuat ialah mengumpulkan segala idea-idea baru dengan kemajuan-kemajuan yang telah tercapai ini dan menentukan arahan baharu dan kita berharap dasar ini dapat diumumkan di dalam sedikit masa lagi.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya mengucapkan terima kasih lagi sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan peruntukan Kementerian saya dan segala perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu yang mana saya tidak menyentuh, semuanya telah diambil ingatan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$318,539,100 untuk Maksud B. 20 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$318,539,100 untuk Maksud B. 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$830,728,374 yang disebutkan dalam Maksud P. 20 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$830,728,374 untuk Maksud P. 20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

*Maksud B. 21 (Jadual)—*

*Maksud P. 21 (Anggaran Pembangunan, 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud B. 21 dan Maksud P. 21 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.47 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, suka saya bangun di sini untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan atas Maksud B. 21 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Yang pertamanya saya suka merujuk kepada muka surat 191 Butiran (Kod) 1100 Gaji dan Upahan berkaitan dengan program (3) (b)—Kemajuan Perusahaan Kecil.

Tuan Pengerusi, semasa menjawab cadangan saya supaya ditubuhkan sebuah Perbadanan Perusahaan Kecil bagi menggalakkan perkembangan perusahaan kecil dalam negara ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah memberitahu Dewan ini semasa mengulas perbincangan Belanjawan bahawa satu Bahagian Perusahaan Kecil telah pun ditubuhkan sejak bulan Jun tahun 1981. Menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri di antara tanggungjawab-tanggungjawab Bahagian ini ialah termasuk perkara-perkara yang melibatkan perancangan, penyelarasan dan pengawasan perkembangan program-program yang berhubung dengan pembangunan perusahaan kecil ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan bahawa satu Jawatankuasa Penyelaras telah juga ditubuhkan untuk menyelaras semua aktiviti-aktiviti berkaitan dengan agensi-agensis yang terlibat di dalam pembangunan perusahaan kecil

seperti MARA, PDPN, MARDI, MIDA dan Bank Pembangunan. Walaupun usaha-usaha Kerajaan seperti yang disebutkan di atas adalah dihargai dan akan membantu menyelesaikan masalah-masalah seperti bantuan kewangan, bantuan teknikal dan khidmat bimbingan yang ada kaitan dengan pertumbuhan perusahaan kecil akan tetapi nampak saya masalah-masalah asas yang dihadapi oleh usahawan-usahawan kecil masih belum diatasi lagi.

Pada pandangan saya masalah utama yang dialami oleh usahawan-usahawan kecil terutamanya di dalam Wilayah Persekutuan ialah tentang kekurangan tapak-tapak yang sesuai untuk mendirikan industri-industri kecil dan akibatnya perusahaan-perusahaan kecil terpaksa dijalankan di kawasan-kawasan tempat kediaman dan kawasan perumahan dan mereka kerap disaman dan didenda oleh Pihakberkuasa Tempatan oleh kerana usahawan-usahawan kecil ini adalah bergerak di tapak yang tidak sesuai untuk menjalankan operasi mereka.

Tuan Pengerusi, usahawan kecil ini telah dikeluarkan lesen-lesen di bawah Akta Penyelaras Industri (ICA) untuk membolehkannya bergerak akan tetapi malangnya mereka tidak diberi lesen oleh Pihakberkuasa Tempatan seperti yang berlaku dan akibatnya mereka terpaksa dihadapkan ke mahkamah. Inilah boleh dikatakan dilema yang dihadapi oleh usahawan-usahawan kecil di dalam dan di sekitar Kuala Lumpur. Apabila mereka menghubungi Kementerian untuk mendapatkan bantuan, Kementerian pula tidak berupaya untuk memberikan apa-apa bantuan. Inilah bentuk masalah yang saya ingin membangkitkan di sini dan ingin memberitahu Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan harapan bahawa Jawatankuasa Penyelaras boleh mendapatkan kerjasama atau bantuan dari Pihakberkuasa

Tempatan yang berkenaan atau dari Kerajaan Negeri yang berkenaan bagi mencari satu jalan penyelesaian kepada masalah perusahaan mereka. Apa yang Jawatankuasa Penyelaras patut berbuat ialah mendapatkan bantuan dan penyertaan aktif dari berbagai Kerajaan Negeri dan dari Dewan Bandaraya bagi mencari dan menyediakan lebih banyak tapak yang sesuai untuk penubuhan industri kecil.

Sementara menunggu tapak-tapak yang sesuai diperolehi untuk menempatkan mereka semula maka saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya membatalkan apa juga tindakan ke atas mereka. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa galakan untuk industri kecil akan tidak memberi apa-apa faedah jika Jawatankuasa di Kementerian yang berkenaan tidak dapat memainkan satu peranan yang aktif untuk mendapatkan bantuan dan kerjasama dari Kerajaan-kerajaan Negeri atau Dewan Bandaraya dalam menyediakan tapak-tapak yang sesuai untuk perusahaan. Saya mencadangkan supaya Jawatankuasa ini menyelaras dengan pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk meluluskan tanah bagi pertumbuhan industri kecil.

Akhirnya adalah menjadi harapan saya bahawa Bahagian Perusahaan Kecil di dalam Kementerian akan berkembang menjadi sebuah Perbadanan Perusahaan Kecil untuk menyediakan perancangan pengurusan dan pelaksanaan semua projek yang ada kaitan dengan pembangunan industri kecil di negara ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin menyentuh di sini ialah berkenaan dengan 2 (b) iaitu Perdagangan Antarabangsa. Berhubung dengan perkara perdagangan antarabangsa, saya suka menggesa Kerajaan supaya meneliti

berbagai masalah yang melembabkan usaha-usaha kita untuk meningkatkan perdagangan dengan negara-negara membangun di Asia Barat, Afrika, di Amerika Latin dan negara-negara di Blok Eropah Timur. Memandangkan masalah ekonomi kita akibat dari kemelesetan ekonomi dunia maka menjadi satu keperluan bagi kita mempelbagaikan keluaran eksport dan berusaha mencari pasaran-pasaran baru di negara-negara Blok Eropah Timur, Asia Barat, Amerika Latin dan Afrika.

Meskipun percubaan meningkatkan perdagangan dengan negara-negara yang saya sebutkan di atas Malaysia tidak diragukan lagi akan menghadapi berbagai masalah seperti masalah perkapalan dan pertukaran wang asing. Negara-negara dari Eropah Timur didapati boleh menjadi pasaran terbaik untuk barang-barang keluaran Malaysia akan tetapi mereka tidak mempunyai sistem pertukaran wang asing untuk membayar barang-barang itu.

Memandangkan masalah di atas Malaysia barangkali boleh meneliti kemungkinan mengadakan sistem "barter trade" dengan negara-negara Eropah Timur sebagai sebahagian rancangan mempelbagaikan eksport. Meskipun kita terpaksa menghadapi masalah-masalah dalam mencari rakan-rakan perdagangan yang baru dari negara-negara seperti Asia Barat, Afrika dan Eropah Timur termasuk Amerika Latin saya harap dengan adanya masa yang cukup dan pelaksanaan menurut tindakan yang betul dan sesuai kita akan berupaya mengatasi berbagai-bagai masalah yang dialami oleh pihak kita.

Perkara yang akhir yang saya ingin menyebutkan di sini ialah tentang Program 4 (b) yang terkandung dalam muka surat 192 dan itu ialah berkenaan dengan Perlindungan

Pengguna. Mengenai hal-ehwal pengguna saya ingin menggesa Kerajaan supaya meneliti.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang Dipertua:** Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 17hb November, 1982.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.*